

Jilid I
Bil. 22



Hari Isnin
14hb Januari, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3273]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Bencana Kemarau di Negeri Melaka—Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
[Ruangan 3314]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1991

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, dan
B. 13 [Ruangan 3318]

Maksud B. 14, B. 15 dan B. 16 [Ruangan 3331]

Maksud B. 17 [Ruangan 3387]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1991

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 dan P. 8 [Ruangan 3318]

Maksud P. 14 dan P. 16 [Ruangan 3331]

Maksud P. 17 [Ruangan 3387]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULO BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

Yang Berhormat DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K.
(Hulu Terengganu).

- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

Yang Berhormat DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

- „ DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMAD KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (BAGAN SERAI).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 14hb Januari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

TELEFON DI LUAR BANDAR

1. **Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah rancangan Kementeriaannya berhubung dengan pondok-pondok telefon di kampung luar bandar.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah memberi jawapan kepada soalan ini semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan S.S.Subramaniam pada 7hb Januari, 1990 dan saya tidak bercadang menambah apa-apa di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Lim Hock Seng tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shahidan bin Kassim.

SYARIKAT UNIPHONE
MEMPERLUAS AKTIVITI

4. **Tuan Shahidan bin Kassim:** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) benar atau tidak hasrat Kerajaan untuk membenarkan Syarikat Uniphone memperluaskan aktivitinya ke seluruh negara dan kesannya ke atas aktiviti Syarikat Telekom Malaysia; dan
- (b) sama ada cadangan ini akan bercanggah dengan hasrat dan matlamat Kerajaan semasa menswastakan perkhidmatan telefon kepada Syarikat Telekom Malaysia.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat untuk bahagian (a) adalah tidak benar memandangkan lesen yang dikeluarkan kepada Uniphone Sdn. Bhd. iaitu USB adalah bagi kawasan-kawasan tertentu sahaja. Sehubungan dengan itu soalan (b) tidak timbul.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dasar Syarikat Uniphone memasang telefon awam di dalam area monopoli oleh Syarikat Uniphone di dalam 12 kilometer diameter dari bandar. Di outskirts, dengan izin, kota rakyat menghadapi kesulitan dan harus menunggu lama untuk memohon telefon umum di kawasan mereka.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti janji-janji yang telah dibuat di antara Kerajaan dan juga dengan Syarikat Uniphone, Syarikat Uniphone telah diberi lesen untuk memasang telefon di tiap-tiap bandar.

Mengenai di kawasan bandar saya percaya mereka telah dibenarkan memasang lebih daripada 250 tempat, dan selepas itu di luar daripada sempadan yang telah diberi kepada Syarikat Uniphone dan STM menjaga perkara-perkara berkenaan dengan telefon awam.

Separuh telefon awam yang telah dipasang sekarang adalah dalam kawasan Uniphone iaitu telefon telah dipasang sebelum kita mengadakan perjajian di antara Uniphone bersama kita.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang masalah telefon, kemudahan telefon awam di luar bandar.

Masalah yang timbul sekarang masyarakat di luar bandar, penduduk-penduduk desa sangat sukar untuk mendapat kemudahan telefon awam di luar bandar. Adakah satu polisi daripada Syarikat Telekom Malaysia yang terlampau mementingkan keuntungan sehingga mengabaikan tanggungjawabnya untuk memasang dan memberikan kemudahan telefon awam kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga kepentingan rakyat jelata di tanah air ini oleh kerana itulah STM telah merancang untuk membelanjakan lebih dari \$1.3 billion dalam Rancangan Malaysia Keenam. Ini bererti tiap-tiap tahun kita akan membelanjakan lebih dari \$275 juta untuk mengadakan infrastruktur berkenaan dengan telefon.

Selepas kita mengadakan infrastruktur itu saya percaya telefon-telefon awam seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi boleh juga mendapat lebih telefon di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah cukuplah.

TV1 DAN TV2—MASA SIARAN

5. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memanjangkan masa siaran TV1 dan TV2 meliputi 24 jam memandangkan banyak program, peristiwa, berita dan juga perkara-perkara yang berlaku di seluruh negara setiap hari yang tidak dapat disiarkan melalui kedua-dua saluran TV kerana kekurangan masa siaran. Adakah beliau sedar berita-berita serta banyak peristiwa-peristiwa terutama sekali mengenai pembangunan negara di Sabah tidak disiarkan melalui TV. Adakah beliau sedar rakyat di Sabah dan Sarawak juga membayar lesen TV dan oleh itu berhak mendapat layanan yang saksama.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Jabatan Penyiaran tidak bercadang untuk memanjangkan masa siaran TV1 dan TV2 kepada 24 jam sehari memandangkan purata jam siaran setiap hari selama 12 jam bagi TV1 dan 9 jam bagi TV2 didapati adalah memadai.

Bagaimanapun RTM melanjutkan siaran TV selama 24 jam pada hari-hari tertentu seperti hari kebesaran iaitu Hari Raya Puasa, Hari Kebangsaan, Tahun Baru China atau apabila ada acara-acara besar atau peristiwa.

Mengenai siaran berita dan peristiwa di Sabah dan Sarawak mahupun mana-mana tempat di Semenanjung, RTM menyiarkannya bergantung kepada nilai berita yang diperolehi. Sekiranya berita/peristiwa yang patut diketahui oleh seluruh negara, RTM akan menyiarkannya di peringkat nasional iaitu Berita Perdana. Sebaliknya jika berita-berita atau peristiwa itu lebih menumpukan kepada masyarakat setempat, ianya akan disiarkan melalui Berita Wilayah pada jam 6.00 petang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini akan sentiasa mengkaji dari masa ke semasa tentang keperluan tambahan masa siaran televisyen selaras dengan pencapaian objektif-objektif RTM, dalam memberi hiburan, didikan dan juga penerangan kepada para penonton.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada berita ke atas peristiwa di Sabah dan Sarawak, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memperkenalkan budaya, adat, bahasa, tarian dan kraftangan yang unik kepada Sarawak dan Sabah yang disumbangkan oleh negeri Sarawak, contohnya, 27 bangsa-bangsa yang tidak terdapat di Semenanjung Malaysia ini? Adakah masa yang khas ataupun rancangan yang khas akan dibuat ke arah integrasi nasional ini supaya semua rakyat Malaysia boleh mendapati pengetahuan umum ke atas budaya yang unik di Sabah dan Sarawak.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak sememangnya RTM mempunyai waktu siaran khas setiap hari Sabtu melalui rancangan-rancangan seperti "Lembaran Sarawak" ataupun "Rampai Kenyalang" ataupun "Berhibur Bersama Anda", iaitu merupakan rancangan hiburan. Perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching sebentar tadi adalah diliputi dalam siaran rencana daripada "Lembaran Sarawak"

ataupun dalam bentuk hiburan daripada negeri Sarawak sama ada yang bertajuk "Riang-ria Bersama Anda" ataupun "Rampai Kenyalang". Begitu juga di negeri Sabah, selain daripada Sarawak, kita mempunyai waktu siaran pada hari Sabtu yang diselang-selikan setiap minggu di antara negeri Sabah dan negeri Sarawak ataupun rancangan-rancangan sedemikian dijalankan pada hari yang sama pada sebelah tengahari.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan program-program televisyen masa kini, baru-baru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat sedikit teguran dan telah diperkukuhkan dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tentang orang dalam. Sejauh manakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian?

Soalan yang kedua, adakah pihak Kementerian bercadang untuk membuat satu kajian dari segi sambutan dan tindak-balas dari kalangan rakyat terhadap program-program TV masa kini?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya yang dimaksudkan, pernah membuat penjelasan tentang perkara ini, saya fikir tidak pernah saya membuat penjelasan berkenaan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kangar. Tetapi sebenarnya perkara yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai satu teguran kepada siaran-siaran televisyen yang telah dimainkan ataupun yang didapati kurang cukup untuk tontonan orang ramai sama ada melibatkan seks ataupun keganasan, pada masa dahulu kami pernah memberitahu bahawa setiap siaran ataupun setiap program televisyen yang disiarkan di TV Malaysia adalah siaran-siaran yang telah diluluskan oleh Badan Penapis. Tetapi walau bagaimanapun, kalau ada sedikit perkara-perkara yang kita 'overlooked',

dengan izin, kita sentiasa mengambil perhatian sama ada yang ditegurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahupun orang ramai mahupun Ahli-ahli daripada Dewan yang mulia ini, kita sentiasa memberi perhatian kalau ianya kurang patut untuk ditonton dan perlu dibuat perubahan, kita akan mempertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan-pertanyaan kepada yang kedua? Yang Berhormat, soalan yang kedua?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Yang kedua itu apa? (*Ketawa*) Tak ingat.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Apakah Kementerian bercadang untuk membuat satu kajian berhubung dari segi sambutan ataupun tindak-balas orang ramai terhadap program-program TV masa kini?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang ini kita memang sedia menerima sebarang teguran daripada orang ramai sama ada melalui "Hotline" yang dipasangkan di Angkasapuri, di RTM. Orang boleh menelefon ataupun menulis surat ataupun menegur melalui suratkhbar berkenaan rancangan-rancangan yang difikirkan kurang wajar dan sebagainya yang perlu diubah. Kemudian kita akan fikir cara mana yang kita harus memperbaiki program-program yang lebih dapat diterima oleh tontonan umum.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang.

(*Soalan No. 6 Y.B. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang tidak hadir*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed.

(*Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed tidak hadir*)

RAKYAT BANGLADESH DI KUWAIT/IRAQ— MENGHANTAR BALIK

8. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) setakat manakah usaha Kerajaan Malaysia mengembalikan orang-orang Bangladesh ke negara mereka;
- (b) sebutkan negara-negara mana yang memohon pertolongan dari Malaysia; dan
- (c) selain dari jumlah makanan \$270,000 dihantar ke Amman, adakah Kerajaan Malaysia dijangka menambah lagi bekalan. Jika ya, bila. Sebutkan negara-negara lain yang juga memberi bantuan selain dari Malaysia.

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Bangladesh telah membuat permohonan melalui Menteri Luar Negerinya semasa beliau melawat Malaysia pada 31hb Ogos, 1990 untuk menyewa kapalterbang MAS untuk membawa rakyatnya keluar dari Kuwait dan Iraq. Oleh kerana MAS tidak mempunyai kapalterbang yang mencukupi, Kerajaan meminta MAS mencarikan kapalterbang dari lain-lain syarikat penerbangan untuk disewa oleh Bangladesh. Syarikat World Airways telah bersedia menyewakan kapalterbang mereka tetapi oleh kerana sewanya terlalu tinggi Kerajaan Bangladesh tidak meneruskan cadangan itu.
- (b) Selain dari Bangladesh, Kerajaan Singapura dan juga Filipina telah memohon bantuan kita. Beberapa orang rakyat Singapura telah dipindahkan dari Kuwait dan Iraq

bersama-sama dengan rakyat Malaysia. Kerajaan Filipina kemudiannya meminta kita bersama-sama negara ASEAN yang lain memindahkan rakyat ASEAN. Namun demikian, cadangan ini tidak dilaksanakan memandangkan Kerajaan Indonesia dan Thailand telahpun selamat memindahkan rakyat masing-masing secara persendirian.

- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan lagi bantuan yang telah diberikan kepada Jordan. Antara negara-negara lain yang turut memberi bantuan termasuklah India, Bangladesh dan Pakistan. New Zealand, Australia, Filipina, Thailand, China, Brazil, Jepun dan Perancis adalah di antara lain-lain negara yang turut memberi bantuan melalui badan-badan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tadi menyebutkan bahawa MAS tidak cukup kapalterbang untuk membantu membawa balik rakyat Bangladesh. Adakah sekarang ini Kerajaan bersedia membuat persediaan supaya cukup kemudahan untuk membawa balik rakyat Malaysia jika berlaku perang lusa?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masalah inilah sebabnya Kerajaan memberikan masa yang cukup bagi rakyat kita pulang ke tanahair. Sekiranya berlaku peperangan disebabkan Krisis Teluk, jika pihak MAS tidak mencukupi pesawat-pesawat, maka kita bersedia merundingkannya dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain seperti yang telah di perbuat pada masa ini, terutamanya daripada Jordan dan negara-negara lain.

NEGARA-NEGARA ANGGOTA OIC—PELABURAN

9. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah pelaburan dari kalangan negara-negara anggota OIC di Malaysia. Nyatakan juga dalam sektor manakah pelaburan ini dibuat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan seperti ini telah dibangkitkan pada sesi ini, pada 4hb Januari, 1991 oleh Ahli Yang Berhormat dari Kimanis.

Pada masa soalan tersebut dijawab, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telahpun mendapat kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan-soalan yang berhubung dengan perkara yang sama termasuklah soalan ini. Oleh itu saya tidak ingin menambahkan apa-apa lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik bahagian (a) soalan ini, sebab ia sudah dijawab. Soalan 11 (b).

SIA MEMULAKAN OPERASINYA DI SARAWAK

11. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (b) apakah pendirian pihak Kerajaan Persekutuan terhadap permohonan Kerajaan Negeri Sarawak

ke arah "Open Sky Policy" di negeri itu, supaya SIA dibenarkan masuk ke negeri Sarawak terus dari Singapura agar memajukan industri pelancongan di negeri itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, seperti kata Yang Berhormat tadi memang bahagian (a) sudah dijawab, bahagian (b) juga telah dijawab. Saya tidak ada apa-apa tambahan, sebab SIA akan memulakan operasinya pada 19hb Januari dan tidak ada kena-mengena lagilah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Sanusi bin Daeng Mariok.

(Soalan No. 12 Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok tidak hadir)

AGENSI PEMBANTU RUMAH

13. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada sedar atau tidak agensi-agensi pembantu rumah yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia baru-baru ini telah giat mempelawa gadis-gadis dari Sarawak untuk bekerja di Semenanjung Malaysia dan kalau sedar nyatakan:

- (a) bilangan pembantu rumah yang sudah didaftarkan di seluruh negara dan dari bilangan tersebut berapakah yang berasal dari Sarawak; dan
- (b) usaha Kerajaan untuk menggubal peraturan yang bertujuan memperketatkan syarat-syarat bagi setiap agensi-agensi pembantu rumahtangga dan pembantu rumah itu sendiri oleh sebab ada segelintir agensi cuma mendapatkan wang dan sanggup mencari dan menghantar pembantu rumah melalui beberapa buah agensi haram dan banyak juga aduan diterima berkenaan dengan beberapa penipuan yang dilakukan oleh beberapa agensi tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

Kementerian Sumber Manusia tidak sedar dan tidak ada menerima sebarang aduan mengenai adanya agensi-agensi pembantu rumah yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia telah giat mempelawa gadis-gadis daripada Sarawak untuk bekerja di Semenanjung Malaysia.

- (a) Dalam tahun 1990 sehingga bulan Oktober, bilangan pencari kerja yang berdaftar dengan agensi pekerjaan swasta untuk bekerja sebagai pembantu rumah ialah seramai 306 orang sahaja dari mana seramai 259 orang telahpun ditempatkan. Dari jumlah-jumlah tersebut tiada seorang pun pendaftar yang berasal dari negeri Sarawak.
- (b) Kerajaan telahpun menggubal Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 bagi mengawal kegiatan agensi pekerjaan swasta. Di bawah Akta ini tiada seorang pun boleh menjalankan urusan sesuatu agensi pekerjaan swasta kecuali di bawah satu lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia. Bagi memastikan kegiatan agensi pekerjaan swasta berjalan dengan baik, beberapa syarat telah dikenakan dan perlu dipatuhi seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Agensi Pekerja Swasta 1981 sebelum sesuatu lesen itu dikeluarkan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian sedar bahawa pada masa sekarang juga terdapat ramai gadis daripada negara

jiran seperti Indonesia dan Filipina yang sedang bekerja sebagai pembantu rumah di Semenanjung Malaysia. Kalau jawapannya ya, sila memberitahu jumlah bilangan pembantu rumah dari Indonesia dan Filipina yang sedang bekerja di negara kita.

Yang kedua, sama ada pembantu-pembantu rumah ini yang datang dari negara jiran bekerja di negara kita secara sah ataupun haram ataupun pihak Kementerian tidak tahu langsung status mereka.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi pembantu rumah yang diberikan permit oleh Kerajaan, ianya dikelolakan oleh Kementerian Dalam Negeri. Bagi orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan dengan warganegara asing dari mana-mana negeri yang tidak mempunyai kebenaran bekerja ataupun permit kerja yang bekerja sebagai pembantu rumah boleh melaporkan kepada Jabatan Tenaga Rakyat dan Jabatan ini akan mengambil tindakan yang sesuai mengikut undang-undang dan peraturan.

Tuan Billy Abit Joo: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan asal ada berkaitan dengan pengambilan pekerja dari Sarawak, saya ingin bertanya sama ada benar tuduhan ada sebuah agensi pengambilan pekerja kepada sebuah kilang elektronik di Johor Bahru yang menjanjikan gaji yang lumayan tetapi bila gadis-gadis dari Sarawak sampai di kilang atau di Johor Bahru mereka diberitahu gaji mereka hanya setengah dari yang dijanjikan. Sumber yang sama juga menyatakan kad-kad pengenalan mereka disimpan oleh agensi pengambilan pekerja tersebut.

Soalan saya, apakah usaha yang akan diambil oleh Menteri berkenaan untuk mengelakkan berlakunya perkara yang lebih buruk berlaku memandangkan beberapa daripada gadis-gadis tersebut tidak mampu balik ke Sarawak?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat agensi pekerjaan swasta ini diluluskan dengan syarat-syarat yang tertentu untuk mereka beroperasi. Jadi, oleh sebab itu mereka tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat tertentu untuk menjalankan kegiatannya. Jadi, kalau perkara seumpama ini berlaku, kita mendapat laporan maka Jabatan Tenaga Rakyat ataupun Kementerian Sumber Manusia akan mengambil tindakan yang sewajarnya di atas perkara ini tetapi perlu dilaporkan.

KAPALTERBANG JENIS SKY-HAWK

14. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Pertahanan menyatakan kedudukan kapalterbang jenis Sky-Hawk yang dibeli oleh Kerajaan dan tersadai di padang pasir Amerika Syarikat itu sekarang; sama ada kapalterbang itu telah dijual dan berapa harganya. Jika tidak, mengapa.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memang benar 35 buah daripada 88 buah jet pejuang Sky-Hawk yang dibeli oleh Kerajaan untuk TUDM masih lagi berada di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, ianya tidaklah tersadai di padang pasir sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Ianya disimpan di sebuah kawasan pengestoran khas kapalterbang di Arizona, Amerika Syarikat.

Pada masa ini kapalterbang tersebut masih belum dijual tetapi ada pihak yang menunjukkan minat untuk membelinya. Kerajaan masih menunggu kebenaran Kerajaan Amerika Syarikat untuk menjual balik kapalterbang tersebut sebagaimana salah satu syarat yang telah ditetapkan semasa pembelian dahulu.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah penempatan di stor itu secara percuma ataupun secara

sewaan? Jika sekiranya secara sewaan, saya ingin tahu berapa harganya.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa menyewa stor ini iaitu dengan bayaran US\$50,000 setahun untuk sewaan.

Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan Kementerian berkenaan dengan pesawat Sky-Hawk yang sedang beroperasi dengan TUDM sekarang? Adakah ia akan dijual juga ataupun adakah ia akan dijual apabila TUDM menerima pesawat Hawk pada 1993 nanti?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, manamana pesawat kita yang tidak kita perlukan oleh kerana sebab-sebab tidak boleh beroperasi dengan baik atau dengan sebab-sebab yang lain, kita akan jual kepada pihak-pihak yang berminat. Jadi, saya tidak dapat menjelaskan kepada Yang Berhormat dengan terperinci oleh kerana proses penilaian ini berjalan dari masa ke semasa. Jika sekiranya pesawat-pesawat yang tersebut itu ataupun Sky-Hawk ini masih boleh beroperasi dengan baik, selamat dan ekonomik kita akan terus menggunakan Sky-Hawk ini dan kalau sekiranya kita tidak perlukan lagi, kita akan menjualkannya dan menggantikan dengan pesawat-pesawat jenis yang lain.

PENDATANG TANPA IZIN DI SABAH—MENGHANTAR BALIK

15. Tuan George Sangkin minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan Pusat menghantar balik pendatang tanpa izin di Sabah yang telah dikesankan ke negara asal mereka. Bolehkah pihak Kerajaan Pusat memberikan perangkaan yang merekodkan bilangan pendatang itu yang telah dihantar balik dan berapa lagi bilangan yang akan dihantar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tertubuhnya Pasukan Petugas Khas Persekutuan Mengenai Pendatang Luar Negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam tahun 1989 hingga bulan November, 1990, Kerajaan telah berjaya menghantar balik lebih kurang 19,000 pendatang luar negeri ke negara asal mereka. Pengusiran mereka ini adalah hasil daripada gerakan-gerakan pencegahan dan tangkapan yang dilancarkan sepanjang masa oleh pasukan-pasukan penguatkuasa kita dengan berpandukan kepada keperluan-keperluan yang disediakan oleh Pasukan Petugas Khas.

Pihak Kerajaan tidak dapat memberi bilangan sebenar pendatang tanpa izin yang akan dihantar pulang ke negara asal mereka pada peringkat ini kerana jumlah pendatang tanpa izin yang sebenarnya masih berada dalam negeri Sabah tidak diketahui. Gerakan banci dan pendaftaran ke atas semua pendatang luar negeri di negeri Sabah masih belum selesai lagi. Jumlah sebenar mereka ini yang perlu dihantar balik akan dapat ditentukan apabila gerakan banci dan pendaftaran itu diselesaikan dan pengkategorian ke atas mereka yang didaftar itu dibuat.

Sementara itu, gerakan pengusiran ke atas pendatang luar negeri yang ditangkap dan ditahan dalam masa ini kerana melanggar peraturan-peraturan negara akan terus dilakukan sepanjang masa.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, setakat ini berapakah yang telah dapat didaftarkan oleh Petugas Khas berkenaan dengan pendatang haram yang ada di negeri Sabah.

Kedua, apakah kesulitan ataupun kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Petugas Khas ini berkenaan dengan bancian pendatang haram yang ada di Sabah di masa kini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sepuluh daerah masih lagi dalam proses pembancian, jadi belum dapat kita menentukan berapa ramai tetapi bagaimanapun setakat ini hampir 37,000 orang yang telahpun dikenalpasti.

Kesulitan-kesulitan yang kita hadapi di Sabah ialah kerana pendatang-pendatang tanpa izin ini berpindah-randah. Misalnya, minggu ini mereka berada di Wilayah Labuan, mungkin pada minggu depan mereka berada di Sandakan. Oleh kerana mereka ini berpindah-randah, ia benar-benar memberi satu kesukaran kepada pihak Petugas untuk menjalankan tugas. Di samping itu, oleh kerana keadaan negeri Sabah terutamanya di pendalaman, untuk mengenalpasti mereka ini tanpa kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan memang sukar untuk mengenalpasti yang mereka ini adalah pendatang tanpa izin.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah difahamkan yang pendatang tanpa izin datang juga ke Sarawak dan oleh itu Sarawak juga mempunyai masalah pendatang tanpa izin, tetapi tidak sebagaimana yang telah berlaku di Sabah. Mereka ini datang ke Sarawak dan melakukan perbuatan jenayah atau perkara-perkara yang lain yang tidak baik, tetapi bila dihantar balik ke negeri asal mereka, mereka kembali semula ke Sarawak.

Soalan saya, apakah tindakan Kerajaan untuk menyekat pendatang yang datang ke Sarawak tanpa izin yang kembali semula ke Sarawak selepas dihantar ke tempat asal mereka? Adakah Kerajaan hendak membuat satu branding point, supaya mereka ini boleh dibrand sebagai tidak boleh balik ke Sarawak lagi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, masalah sepertimana yang berlaku di Sarawak ini juga berlaku di tempat-tempat lain termasuklah di Semenanjung Malaysia

sendiri dan juga di Sabah. Adalah sukar untuk kita hendak black-listing kepada mereka ini, kerana mereka masuk melalui jalan-jalan yang haram. Kalau mereka masuk ke negara ini mengikut pintu-pintu masuk yang sah atau yang sah, tentulah boleh kita letakkan dalam komputer dan sebagainya. Tetapi mereka menyeludup di tengah malam, melalui hutan, melalui laut dan sebagainya dan ada pada masa yang lepas kita telah mengadakan operasi membotakkan mereka. Ini hanyalah dalam masa enam bulan sahaja, rambut pun tumbuh balik dan mereka pun masuk kembali dan kadang-kadang perbuatan ini akan menjejaskan perhubungan baik serantau terutama ASEAN. Ini juga menyulitkan kita semua.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan masalah pendatang haram ini ada juga di Semenanjung Malaysia. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa pendatang haram ini datang ke negeri kita dan mereka ada satu competition dengan warganegara kita dalam soal kerja, soal perkhidmatan sosial seperti hospital atau sekolah untuk anak-anak mereka dan juga mereka yang datang ke sini ada membabitkan soal jenayah seperti robbery, dengan izin, rompakan dan ada juga kes rogol (rape cases). Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan yang keras yang diambil?

Kedua, Yang Berhormat Menteri tahukah di Chow Kit Road sekarang ramai daripada penjaja-penjaja ini terdiri daripada pendatang-pendatang haram dan di sekitar Kuala Lumpur juga mungkin ada ramai pendatang haram sekarang dan mereka bekerja di kedai kopi atau di rumah warganegara kita. Apakah tindakan Yang Berhormat akan ambil dalam soal ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk membetulkan Wakil dari Bukit Bintang ini, saya Timbalan Menteri sahaja, bukan

Menteri. (*Ketawa*) Kadang-kadang kita takut juga, kita belum sampai ke tahap itu dipanggil demikian. Setengah orang dia seronok, tetapi bagi saya tidak berapa seronoklah.

Mengenai pendatang-pendatang haram yang datang ke sini, memang wujud persaingan yang hebat terutama dari segi pekerjaan dan sebagainya. Tetapi yang anihnya banyak sangat firma-firma yang memohon kepada Kementerian untuk membawa mereka ini untuk bekerja, kononnya murah. Galakan yang seperti ini yang kadangkala memang memberi persaingan yang hebat kepada pekerja-pekerja kita sendiri. Saya beri misalan, Tuan Yang di-Pertua, umpamanya welding, di Malaysia ini selalunya pukul rata welding untuk big pipe dan sebagainya ialah \$15 sejam. Tetapi pekerja-pekerja Indonesia terutamanya yang pernah bekerja di PERTAMINA, untuk membuat gas paip dan sebagainya ialah \$5 sejam. Ini menggalakkan pendatang-pendatang tanpa izin untuk datang ke sini dengan adanya tawaran-tawaran daripada pihak-pihak tertentu untuk memberi mereka kerja kerana tidak mahu membayar bayaran yang tinggi kepada pekerja-pekerja kita. Masalah ini kadang-kadang kita yang menggalakkan untuk mereka hadir di sini.

Daripada segi sekolah, saya ingat ini tidak berlaku, kerana mereka ini tidak boleh masuk sekolah kerana tiada surat-surat pengesahan yang mereka ini datang dengan cara yang elok. Dengan sebab itu, Kerajaan dengan persetujuan Kerajaan Indonesia dan dengan kerjasama Kedutaan Indonesia, kita telah mengadakan 'Skim Pemutihan' iaitu meminta supaya semua firma-firma, semua ladang-ladang yang mempunyai pekerja-pekerja Indonesia yang datang tanpa izin untuk mendaftarkan diri supaya kita boleh proseskan untuk memberi mereka kad hijau, iaitu work permit dalam masa yang tertentu iaitu dua tahun dan sebagainya.

Kita hendak mengenalpasti mereka, siapa mereka, asal dari mana, supaya jikalau berlaku sesuatu yang tidak baik seperti jenayah dan sebagainya, dapat kita mengenalpasti siapakah mereka itu. Ini yang telah kita lakukan tetapi sambutannya adalah begitu dingin. Bagaimanapun, perkara ini akan diteruskan.

Tentang terdapat peniaga-peniaga Indonesia atau pendatang-pendatang tanpa izin di Chow Kit, ini juga kesalahan kita. Kadang-kadang orang kita yang dapat lesen berniaga tidak mahu berniaga dan memberikan kepada orang lain untuk berniaga, kita duduk di rumah dan hanya menerima ganjaran daripada orang yang berniaga ini.

Itu sebabnya kadangkala gerai-gerai yang diberi itu di atas nama orang lain, tetapi yang berniaga dalam itu orang lain. Oleh kerana kita ini terlalu senang hidup kita, kita hendak dapat duit dan keuntungan secara senang, biar orang lain bersusah, kita dapat senang, tetapi orang pendatang tanpa izin ini mereka rajin bekerja. Jadi, kesalahan itu kita juga yang lakukan. Jadi, dengan keadaan-keadaan ini adalah sukar sekali kalau sekiranya keseluruhan rakyat dan tenaga yang ada dapat menghindarkan mereka ini untuk datang, mungkin gambaran yang begitu indah itu tentu sekalilah dapat menjauhkan mereka daripada datang ke negara kita.

KAD PENGENALAN BIRU/SIJIL KELAHIRAN DI SARAWAK—BANCIAN

16. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) pernahkah bancian dibuat untuk menentukan jumlah penduduk tempatan di Sarawak yang tidak mempunyai Kad Pengenalan (Biru) dan Sijil Kelahiran, khasnya di kawasan Hulu Rajang;

- (b) apakah langkah yang sudah ataupun sedang diambil untuk menentukan mereka ini memperoleh Kad Pengenalan (Biru) dan Sijil Lahir;
- (c) sama ada Menteri sedar bahawa di kalangan penduduk tempatan di Hulu Rajang, ada yang masih memiliki Kad Pengenalan Merah lebih sepuluh tahun. Jika sedemikian, apakah langkah sedang dibuat untuk membantu mereka memiliki Kad Pengenalan Biru; dan
- (d) sama ada Menteri sedar bahawa jumlah besar kaum Penan di Sarawak tidak mempunyai Kad Pengenalan (Biru). Jika masih sedemikian, apakah langkah yang sedang dibuat untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan belum pernah membuat sebarang banciaan di Sarawak untuk menentukan jumlah mereka yang tidak mempunyai Kad Pengenalan Biru dan juga Sijil Kelahiran.
- (b) Kerajaan berusaha menyediakan kemudahan bagi setiap penduduk di negara ini untuk memiliki dokumen pengenalan diri, tetapi daya usaha untuk memperolehnya hendaklah dibuat oleh mereka yang berkenaan.
- (c) Kad Pengenalan Biru hanya diberi kepada warganegara Malaysia sahaja. Bagi pemegang Kad Pengenalan Merah boleh membuat permohonan kerak-yatan di bawah perkara-perkara yang bersesuaian setelah memenuhi syarat-syarat dalam Perlembagaan.
- (d) Mereka yang tidak mempunyai Kad Pengenalan (Biru) hendaklah mengemukakan permohonan

di Jabatan Pendaftaran Negara. Kerajaan akan membantu mereka yang benar-benar layak untuk diberi Kad Pengenalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, ini masalah besar dalam negeri Sarawak sebab ramai orang yang tinggal di kawasan pendalaman susah mahu pergi ke pusat bandar untuk mendaftarkan diri mereka terhadap kelahiran ataupun permohonan kad pengenalan, maka mereka tidak dapat kerja ataupun tidak dapat mengambil peperiksaan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlibat dalam kes ini minta maaf kerana mengambil sedikit masa. Susahlah bagi mereka yang membuat permohonan jikalau mereka diperlukan untuk angkat sumpah, mahu cari sijil kelahiran semua ahli keluarga mereka ataupun mengisi borang-borang yang tebal itu ataupun lain-lain sahaja, itu khasnya susah kepada orang yang kurang bersekolah. Maka apakah langkah akan diambil untuk memberi layanan yang sedikit khas ataupun syarat-syarat akan dilonggarkan supaya melicinkan permohonan untuk orang dari kawasan pendalaman itu. Itu masalah yang besar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, ada dua masalah besar yang wujud di pendalaman Sarawak. Satu ialah masalah surat kelahiran. Yang kedua ialah kad pengenalan. Oleh kerana perbincangan telah kita adakan antara Kerajaan Negeri Sarawak dan Pusat, Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri telahpun bersetuju bahawa satu kemudahan khas akan diberi kepada penduduk-penduduk pendalaman di Sarawak untuk mendapatkan, satu ialah surat kelahiran; yang kedua ialah kad pengenalan. Dan kad pengenalan baru ini pula Yang Amat Berhormat Menteri telahpun meminta supaya pihak-pihak yang di pendalaman ini diberi percuma, tanpa bayaran. Dengan itu kita terpaksa

mengadakan vehicle, dengan izin, seperti:

- (i) melantik Penolong-penolong Pendaftar Kelahiran di kawasan pendalaman yang membantu untuk mengisi borang-borang dan juga mengadakan upacara angkat sumpah untuk mendapatkan surat kelahiran dan sebagainya;
- (ii) mengadakan program khas pendaftaran secara besar-besaran;
- (iii) mengadakan program lawatan bergerak secara tetap di kawasan-kawasan terpencil di Sarawak; dan
- (iv) menyediakan pejabat-pejabat pendaftaran hampir kesemua daerah di Sarawak.

Diharapkan dengan tindakan ini kita dapat membantu dan menolong bagi mereka yang di pendalaman yang tanpa surat kelahiran dan juga kad pengenalan untuk mempunyai perkara-perkara ini.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam tahun yang sudah semasa menjawab soalan daripada saya berkenaan dengan masalah-masalah kad pengenalan dan surat beranak di Sarawak, Yang Berhormat berkenaan berjanji akan membuat sesuatu untuk menyelesaikan masalah tersebut. Soalan saya di sini ialah sejauh manakah janji-janji yang dijanjikan oleh Yang Berhormat tersebut ditunaikan setakat hari ini. Sama ada banciaan berkenaan dengan penduduk-penduduk di Sarawak dan Sabah yang belum lagi mempunyai dokumen-dokumen penting ini sudah dibuat dan jumlah penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak yang belum lagi mempunyai kad pengenalan. Saya telah difahamkan di Sabah sendiri ada lebih 200,000 penduduk di Sabah, belum lagi mempunyai kad pengenalan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji dengan Yang Berhormat pada tahun lepas, di penghujung tahun bila kita mengadakan sesi, selepas itu saya bawa perkara ini kepada Kementerian dan dibawa perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Menteri sendiri dan kita telah berbincang dan keputusan telah dibuat sepertimana yang saya jawab kepada Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi. Itulah tunai janji yang telah saya janjikan itu.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya sama ada Kad Pengenalan Biru akan dikeluarkan tanpa sebarang masalah kepada pemegang Kad Pengenalan Merah yang telah bermastautin di negara kita beberapa puluh tahun, selepas membuat permohonan dan juga selepas si pemohon telah memenuhi segala syarat-syarat yang diletakkan ataupun ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Jika tidak, tolong beritahu sebabnya.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada ramai orang yang telah bermastautin di negara kita sedang menunggu Kad Pengenalan Biru untuk dikeluarkan kepada mereka walaupun mereka telahpun memenuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setelah seseorang itu hendak diberi taraf penduduk tetap, iaitu Kad Pengenalan Merah, selepas 12 tahun mereka layak untuk memohon. Walau bagaimanapun, bukanlah hak seseorang itu mendapat taraf warganegara setelah mereka layak memohon. Apa yang menentukan mereka dapat atau tidak adalah terpulang kepada penilaian Kementerian dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Dalam

Negeri sendiri yang akan menentukan adakah seseorang itu patut diberi taraf atau tidak, kerana itu adalah hak Menteri itu sendiri untuk memberi dan bukan hak seseorang yang telahpun layak untuk memohon warganegara.

KONSTABEL POLIS— KENAIKAN GAJI

17. **Dr V. David** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilakah kali yang terakhir konstabel-konstabel polis mendapat kenaikan gaji;
- (b) adakah beliau sedar bahawa skop tugas mereka memerlukan mereka meninggalkan rumah bagi tempoh yang sangat lama, dan ini menyebabkan mereka dikehendaki menghadapi perbelanjaan tambahan; dan
- (c) adakah beliau ingin mempertimbangkan kenaikan gaji bagi konstabel polis, memandang mereka hendaklah diberi gaji yang berpatutan untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan jujur dan cekap.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kenaikan gaji yang terakhir bagi Konstabel Polis ialah pada 1.6.1986 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/86.
- (b) Kementerian Dalam Negeri sedar tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, setiap kali anggota Polis dikehendaki bertugas, mereka dibayar pelbagai jenis elaun bergantung kepada tempoh masa atau lamanya mereka menjalankan tugas luar itu. Bagi mereka di Semenanjung yang ditempatkan bertugas di Sabah dan Sarawak

pada tempoh masa yang lama juga dibayar elaun khas sebagai tambahan kepada lain-lain elaun yang telah ditetapkan.

- (c) Kerajaan akan menimbangkan kenaikan gaji Polis apabila tiba masanya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar di atas kedudukan Konstabel Polis mengenai dengan gaji dan juga elaun yang patut diberi imbuhan kepada tugas-tugas mereka. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan apakah bentuk elaun yang telah dibayar dalam keadaan Kerajaan mengatakan sedar, apakah bentuk elaun. Apakah elaun itu memadai, sebab apakah Yang Berhormat sedar ramai di kalangan anggota Konstabel Polis merungut tentang kedudukan bayaran elaun dan juga gaji yang ada pada hari ini. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya mencadangkan supaya elaun Konstabel Polis dibayar \$50 satu jam di luar waktu bertugas.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri merasakan bahawa memanglah apa Yang Berhormat kata itu wajar untuk dipertimbangkan. Tetapi kita terpaksa memandang kepada jawatan-jawatan lain seperti tentera. Begitu juga guru yang lulus SPM masuk 3 tahun berkursus keluar dapat \$310, dan polis bila pula pass SPM mendapat \$345, misalnya. Jadi, masalahnya kita terpaksa melihat keseluruhan perjawatan yang ada supaya ianya jangan jadi "enjit-enjit semut"—bila yang ini kita naik, yang belah atas kata kami patut naik dan begitulah seterusnya. Jadi, ini tidak akan menyelesaikan masalah kerana kalau yang satu akan seronok, tetapi yang satu lagi akan merungut dan seterusnya. Bagaimanapun, perkara-perkara Yang Berhormat perkatakan tadi memang dalam pertimbangan kita dan pada masa ini polis konstabel dan

koperal mendapat \$15 seorang sehari elauan kalau mereka menjalankan tugas-tugas seperti saya katakan tadi dan bagi sarjan, sarjan mejor dan sub-inspektor mereka mendapat \$40 kalau mereka bekerja di luar.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pada Disember 1989 ada Perjanjian Hadnyai di mana PKM sudah berhentikan perjuangan bersenjata mereka, bolehkah pihak Kementerian menimbang untuk menggunakan sebahagian besar perbelanjaan yang boleh dijimatkan akibat daripada perkembangan ini untuk menaikkan gaji dan elauan pihak polis khususnya oleh kerana mereka menjalankan satu tugas yang sensitif yang tidak boleh dibandingkan dengan kategori-kategori kakitangan awam yang lain?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui bahawa Parti Komunis Malaya telah meletakkan senjata, tetapi ideologi mereka masih diteruskan. Mereka tidak mengatakan bahawa mereka akan mengugurkan ideologi yang mereka bawa. Jadi, masalah negara kita ini, kita terpaksa mobilise, dengan izin, polis-polis hutan kita untuk menentukan bahawa ideologi komunis ini tidak merebak dan tidak merbahaya keselamatan negara. Sungguhpun KPM telahpun meletakkan senjata, kita masih menghadapi masalah lain seperti pendatang haram, penyeludupan dadah dan senjata dan sebagainya. Dengan sebab itu, tugas-tugas mereka dan elauan mereka masih berjalan seperti biasa. Bagaimanapun, cadangan daripada Yang Berhormat itu akan diambil kira oleh pihak Jabatan Polis DiRaja Malaysia.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Scheme of service seorang konstabel, dengan izin, untuk menaik pangkat ke koperal ialah berlandaskan kelulusan

peperiksaan. Peperiksaan ini telah menjadi satu rintangan kepada seseorang konstabel untuk menaikki pangkat dan menerima gaji yang lebih lumayan lagi. Dengan itu juga Jabatan Polis telah kehilangan kemampuan. Kemungkinan konstabel yang tidak dinaikkan pangkat oleh kerana tidak meluluskan peperiksaan itu lebih baik yang di bawah lulus peperiksaan dan dinaikkan pangkat dan kenaikan pangkat menerusi examination ini adalah residue colonial thinking. Dari itu saya bercadang, adakah Kementerian boleh mengambil tindakan dan menerima cadangan ini saya serahlah kepada Kementerian iaitu kenaikan pangkat daripada konstabel kepada koperal tidak perlu lagi menggunakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mencadangkan itu! Sepatutnya Yang Berhormat kena bertanya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana background mesti diberitahu dahulu. Jadi, soalan saya adakah dapat pihak Kementerian tidak payah lagi menggunakan peperiksaan untuk menaikkan pangkat daripada konsatabel kepada koperal?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara-perkara yang terpaksa kita fikirkan untuk seseorang itu naik pangkat. Tetapi kadangkala mesti kita katakan kerajinan seseorang anggota atau komitmen seseorang anggota. Ini terlalu subjektif. Dengan sebab itu selain daripada kerajinan, selain daripada commitment, dengan izin, atas tugas, ujian-ujian haruslah kita lakukan supaya kita dapat menentukan secara objektif keadaan seseorang anggota itu untuk mereka menaik pangkat. Dengan sebab itu, ujian ini adalah salah satu daripada kriteria yang digunakan selain daripada

kerajinan, komitmen, tanggungjawab, kejujuran dan ikhlasnya maka seseorang itu untuk dapat dinaikkan pangkat.

HUTANG LUAR NEGARA— KEDUDUKAN

18. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kedudukan terakhir hutang negara;
- (b) negara-negara manakah yang kita masih berhutang setakat ini; dan
- (c) kesan hutang negara ke atas ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) Jumlah hutang negara adalah meliputi hutang luar Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan dan Sektor Swasta. Kedudukan terakhir hutang negara setakat 30hb September, 1990 adalah \$41.6 bilion.
- (b) Negara-negara di mana Kerajaan Persekutuan masih berhutang termasuk Amerika Syarikat, Jepun, Jerman Barat, Switzerland, United Kingdom, Kuwait, Perancis dan Saudi Arabia. Selain daripada negara-negara tersebut, Kerajaan juga memperolehi pinjaman dari Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam. Berdasarkan kepada komposisi matawang pula, kedudukan hutang negara mengikut peratus adalah seperti berikut:

Dollar Amerika	42.3%
Yen	32.6%
Deutschmark	10.5%
Swiss Franc	4.1%
Lain-lain	10.5%

- (c) Kedudukan beban hutang masa kini tidak menjejaskan ekonomi

negara kerana Kerajaan Persekutuan berupaya untuk membuat bayaran balik pokok dan faedah ke atas pinjaman-pinjamannya. Malah dari tahun 1987-1990 Kerajaan Persekutuan telah membuat bayaran balik awal (prepayment) sebanyak \$8.1 bilion.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri Kewangan memandangkan bahawa matawang hutang negara terikat kepada matawang asing negara-negara asing tertentu seperti US Dollar, Yen dan Deutschmark, adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk mengikat currency atau matawang negara kepada Yen atau Deutschmark supaya kalau terdapat gerakan dalam matawang Ringgit, kerana Yen adalah lebih kuat daripada US Dollar, hutang negara boleh dikurangkan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, Ringgit kita dipadankan dengan matawang dunia bukan dengan satu-satu matawang negara tertentu. Ringgit kita dinilai berdasarkan kepada satu bakul yang terkandung di dalamnya matawang-matawang asing. Tentang matawang-matawang yang termasuk dalam bakul tersebut termasuklah matawang-matawang terutama di peringkat antarabangsa.

Tentang weightage, dengan izin - istilah "weightage" saya gunakan, Tuan Yang di-Pertua; weightage yang digunakan antara matawang-matawang asing itu, itu adalah satu rahsia yang dimiliki oleh Kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat sama ada Ringgit hendak diikat dengan satu-satu matawang itu adalah sebenarnya satu cara yang tidak wajar bahkan tidak sihat demi kepentingan negara dan juga Ringgit apabila dinilai di peringkat

antarabangsa. Bahkan ini merupakan satu amalan biasa di peringkat antarabangsa.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawa kita mungkin terdedah kepada satu-satu pinjaman yang agak terlalu tinggi peratusannya dan jika sekiranya Yen pada satu ketika dahulu terutama sekali pada tahun 1986, 1987 dan 1988 apabila Yen meningkat dari segi perbandingan dengan Ringgit, maka kita terdedah dengan mudahnya kepada pinjaman yang agak peratusnya tinggi daripada sumber-sumber Yen. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini pihak Kerajaan sejak tahun 1986 lagi sudahpun mula mengubah komposisi pinjamannya sebegitu rupa supaya pinjaman Kerajaan tidak terdedah kepada matawang-matawang yang makin lama makin meningkat jika sekiranya dibandingkan dengan Ringgit.

Secara khususnya jikalau kita lihat angka pada tahun 1987 di mana kita terdedah kepada pinjaman Yen sebanyak 35% dan pada hari ini kita dapat mengurangkan pinjaman Yen kepada 32.6% seperti saya sebutkan tadi. Dan kalau kita lihat pinjaman daripada sumber Dollar Amerika kita dapat turunkan daripada tahun 1986 daripada 50% kepada 42%. Jadi itulah caranya kita memastikan bahawa kita tidak terdedah kepada turun naiknya matawang daripada sumber-sumber kita meminjam.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut buku Laporan Ekonomi 1990/1991 terdapat sebanyak \$94.1 billion hutang negara tetapi angka yang diberi di sini ialah \$41.6 billion. Jadi saya hendak tahu bagaimana perbezaan ini terdapat. Yang kedua, apakah kadar hutang negara kita dengan GNP?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, yang dimaksudkan dengan soalan asal tadi ialah hutang negara dan saya mentafsirkannya hutang negara di peringkat luar negeri. Dan perbezaan di antara angka yang saya sebutkan pada hari ini dengan angka yang pernah saya sebutkan ialah perbezaan antara pinjaman luar dengan pinjaman dalam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan menggulung pihak Kementerian Kewangan saya telah menyebut bahawa angka nisbah kadar pinjaman (debt service ratio) hutang Kerajaan sudahpun turun kepada kadar 7.7% hingga ketika ini. Dan ini adalah satu angka yang amat baik. Nisbah ini didapatkan daripada mengubah nilai bayaran balik pada satu-satu tahun dibahagikan dengan nilai eksport tahun berkenaan dan didarabkan dengan \$100 itulah nilai nisbah. Kalau dibandingkan dengan peringkat antarabangsa yang diterima sebagai wajar ialah 20% nilai nisbah tersebut dan pada hari ini kita pada angka 7.7%.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hutang negara dengan GNP kita, itu soalan saya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada jawapan yang tepat mengenai perkara itu jadi saya terkeliru. Biasanya nisbah yang digunakan untuk menilai kedudukan sesebuah hutang negara dan jika Yang Berhormat hendakkan, insya Allah saya akan cuba buat kira-kiranya nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3, 6, 7, 10, 12 dan 19 adalah diberi di bawah ini)

**SUKAN—KERJASAMA
DENGAN NEGARA MAJU**

2. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bentuk kerjasama yang terjalin di antara Malaysia dan negara-negara yang maju dalam bidang sukan; dan
- (b) dalam konteks ini, apakah bantuan-bantuan yang telah negara kita berikan kepada negara lain dan juga sebaliknya. Nyatakan jenis sukan dan negara-negara yang terlibat.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):

- (a) Bentuk kerjasama yang terjalin di antara Malaysia dan negara-negara yang maju dalam bidang sukan adalah meliputi kerjasama teknikal. Kerjasama ini bukan sahaja terjalin di bawah Rancangan Colombo malah ada juga secara terus dengan agensi-agensinya yang mempunyai khidmat teknikal tersebut. Di antara kerjasama teknikal yang telah terjalin adalah seperti berikut:

(i) *Rancangan Latihan Pegawai/Atlit*

Dari masa ke semasa, kita telah menghantar pegawai atau jurulatih sukan malahan juga atlit-atlit untuk menjalani kursus atau latihan di negara-negara maju iaitu sebagai contoh dengan menghantar jurulatih-jurulatih menjalani kursus-kursus kejurulatihan Gimnastik, Bolasepak dan Tinju di Jerman Barat di samping menghantar atlit menjalani latihan jangka panjang di USA dan Australia.

(ii) *Rancangan Penghantaran Pakar-pakar*

Kita juga telah mendapatkan khidmat beberapa tenaga kepakaran seperti berikut:

(a) Encik Hans Peter Thumm-pakar penggubal kurikulum kejurulatihan dari Jerman Barat.

(b) Beberapa pakar Sukan seperti Encik Michel Gagne (pakar psikologi dari Kanada). Encik Walt Williamson (pakar latihan kekuatan dari USA) dan pakar Biomekanik dari USA.

(iii) *Rancangan Kerjasama Bercorak Projek*

Kita telah bekerjasama mengadakan kursus-kursus pengurusan sukan dengan United States Sports Academy di negara kita dan seterusnya mendapat pengiktirafan dari mereka. Kita juga telah menjalin kerjasama dengan Coaching Association of Canada dalam bidang kejurulatihan.

(iv) *Rancangan Kerjasama Pakar Perunding*

Pihak kita mendapatkan khidmat kepakaran asing juruperunding untuk projek-projek sukan iaitu pakar perunding Jerman Barat untuk projek Institut Sukan Negara.

- (b) Bantuan yang telah negara kita berikan kepada negara lain ialah juga merupakan bantuan teknikal di mana kita ada menghantar beberapa pakar di antaranya adalah seperti berikut:

<i>Jenis Bantuan</i>	<i>sukan</i>	<i>negara</i>
i. Jurulatih	Badminton	Mauritius
ii. Kejurulatihan/ Teknik	Gimnastik (RSG)	Filipina

HAKISAN PANTAI DI SEBERANG PRAI UTARA

3. **Tuan Lim Hock Seng** minta Menteri Pertanian menyatakan tentang kedudukan hakisan pantai di Seberang Prai Utara. Apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk mencegah hakisan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Pada masa kini Kementerian Pertanian sedang giat mengambil tindakan-tindakan untuk mengadakan projek mencegah hakisan di kawasan Seberang Prai Utara yang mengancam kawasan-kawasan perumahan, pengkalan tentera udara, kawasan-kawasan rekreasi, pertanian dan kampung nelayan termasuk infrastruktur asas seperti jalan tar, jeti dan saluran keluar. Sehubungan dengan ini Kerajaan memutuskan supaya tiga buah projek mencegah pengawalan hakisan pantai dijalankan di tiga buah tempat yang mengalami hakisan yang serius. Tempat-tempat itu ialah:

- (i) Kawasan di antara Kg. Bagan Jermal dan Kg. Bagan Ajam dan Robina Park sepanjang 3.4 km.
- (ii) Kampung Sekolah Kuala Muda sepanjang 0.3 km; dan
- (iii) Kawasan di antara Bagan Tambang dan Padang Benggali sepanjang 1.4 km.

Tender bagi kerja-kerja pengawalan hakisan pantai telahpun dipanggil dan pelaksanaan kerja pembinaannya akan bermula pada tahun ini.

BALAI BOMBA BANDAR BARU BANGI—PEMBINAAN

6. **Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah rancangan untuk menyegerakan pembinaan Balai Bomba di Bandar Baru Bangi Selangor memandangkan pertumbuhan dan kepesatan pembangunan bandar tersebut dari segi perindustrian dan perumahan begitu cepat, tambahan pula Balai Bomba yang terdekat di Kajang dan mengambil masa disebabkan oleh kesesakan lalulintas.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Dimaklumkan bahawa tender bagi pembinaan Balai Bomba Bandar Baru Bangi telahpun dikeluarkan pada bulan September, 1990 lalu. Pada masa ini kerja pembinaan balai bomba tersebut sedang berjalan. Kos pembinaan Balai Bomba Bandar Baru Bangi adalah \$850,000.00. Ini tidak termasuk kos pembinaan kuarters yang dijangka dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME). Kemajuan pelaksanaan projek Balai Bomba Bandar Baru Bangi adalah lebih kurang 15%. Adalah dijangka projek ini akan dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1991.

SKANDAL BMF

7. **Tuan Shukri bin Haji Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Suruhanjaya Di Raja untuk menyiasat skandal BMF telah dibentuk dan jika belum adakah Kerajaan berhasrat untuk membentuk Suruhanjaya berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Soalan yang sama ini telah saya jawab pada 6hb Disember 1990 semasa menjawab soalan Yang Berhormat daripada Tanjong. Saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan itu.

KLINIK DESA DI KG. KIAU— PEMBINAAN

10. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Kesihatan menyatakan kedudukan dengan cadangan untuk pembinaan Klinik Desa di Kg. Kiau yang mana kelulusannya dikatakan telahpun diumumkan menerusi media massa di suatu masa dulu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamad Farid bin Ariffin): Kementerian Kesihatan tidak pernah mengumumkan menerusi media massa terhadap cadangan pembinaan Klinik Desa di Kampung Kiau.

Bagaimanapun, keperluan kemudahan kesihatan penduduk-penduduk di kampung ini telah dipertimbangkan dan Kementerian Kesihatan akan mencadangkan pembinaan Klinik Desa di Kampung Kiau dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keenam.

KONSERT KEPADA MASYARAKAT KAMPUS UNIVERSITI DI MALAYSIA

12. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa Program memperkenalkan RTM oleh Kementerian Penerangan melalui Konsert kepada masyarakat Kampus Universiti-universiti di Malaysia telah menimbulkan ketegangan antara pelajar dan Pensyarah dengan Pentadbir yang membawa kepada kes Mahkamah dan ISA; dan

- (b) apakah langkah Kementerian Pendidikan supaya program yang tidak disukai ramai dan bercanggah dengan nilai Islam itu tidak berulang di masa akan datang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Konsert diadakan sebagai salah satu aktiviti universiti sendiri di bawah Pusat Kebudayaan Universiti berkenaan. Ketegangan hanya berlaku sekiranya pelajar membuat bantahan keterlaluan dan tidak mengikut peraturan.

- (b) Kementerian Pendidikan mempunyai kepercayaan penuh kepada pimpinan universiti di dalam usaha untuk memastikan aktiviti-aktiviti sosial di istitusi-istitusi pengajian tinggi tempatan adalah selaras dengan nilai-nilai murni negara. Dalam hal ini Kementerian Pendidikan akan memastikan pihak pentadbiran universiti mengenakan syarat-syarat yang tertentu sebelum meluluskan satu-satu permohonan dalam mengadakan pertunjukkan supaya selaras dengan dasar ko-kurikulum universiti.

Kelulusan hendaklah diberi oleh Naib Cancellor yang diperakukan oleh Timbalan Naib Cancellor (Hal Ehwal Pelajar) kepada Pusat Kebudayaan Universiti, setelah mempertimbangkan pandangan dari semua pihak.

LATIHAN BELIA

19. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Belia dan Sukan menjelaskan mengenai:

- (a) rancangan yang dibuat oleh Kementerian untuk memperbaiki keupayaan program

latihan belia seperti di Pusat Latihan Belia Dusun Tua khususnya mempelbagaikan bidang latihan supaya lebih mencerminkan keperluan tenaga teknikal masa kini;

- (b) prestasi program Belia Niaga dan Tabung Usahawan Belia;
- (c) langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan penghijrahan belia ke bandar tidak menjejaskan sektor pertanian; dan
- (d) belia perpelesenan dan sama ada mereka terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah, keruntuhan moral serta kegiatan jenayah dan langkah Kerajaan mengatasi masalah ini.

Cik Teng Gaik Kwan:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Belia dan Sukan sedang mengambil langkah sewajarnya bagi menyusun semula dan mempertingkatkan program latihan kemahiran vokasional di Pusat-pusat Latihan Belia, Kementerian Belia dan Sukan sejajar dengan objektif memenuhi keperluan tenaga kerja mahir bagi industri-industri di negara ini. Penyusunan dilakukan secara total melalui kajian dan semakan kurikulum, sukatan pelajaran, kaedah, halacara dan pendekatan, penggunaan mesin-mesin dan peralatan latihan serta peningkatan perkhidmatan tenaga pengajar.

Hasil susunan semula yang dijalankan itu akan memenuhi peringkat dan gred kemahiran yang diperlukan oleh sektor industri masakini. Pembangunan fizikal bagi membesarkan dan membina pusat-pusat latihan baru adalah merupakan keperluan mendesak memandangkan permintaan yang tinggi dari para belia.

Kerjasama dan usahasama dengan sektor industri pembuatan dan perkhidmatan akan diperluas dan dipertingkatkan. Dengan itu, peningkatan mutu, pengetahuan dan kemahiran teknologi semasa di kalangan pelatih akan dihasilkan. Di samping itu, input-input untuk menghasilkan tenaga terlatih yang berdisiplin, bermoral tinggi, mahir dan kompeten di bidang kemahiran teknik dan vokasional juga diambil berat bagi mencapai matlamat tahap kecemerlangan pelaksanaan program latihan yang dijalankan.

- (b) Rancangan Belia Beniaga telah dimulakan pada tahun 1976 sebagai projek percubaan untuk menggalakkan belia-belia ke arah berdikari. Sambutan sungguh menggalakkan di kalangan belia-belia yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia ke bawah. Semenjak tahun 1975 hingga 1985, Kementerian telah dapat mewujudkan sebanyak 1,313 projek, 1,448 usahawan dan 3,288 pekerjaan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$22,395,871.00. Setakat ini lebih kurang 70% projek berkenaan masih berjalan dengan memuaskan.

Bagi projek di bawah Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia yang telah mula beroperasi pada tahun 1988, telah dapat mewujudkan sebanyak 374 projek yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$4,713,455.00. Setakat ini projek berkenaan telah berjalan dengan baik dan lebih kurang 70% pinjaman telah diterima.

- (c) Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan

penghijrahan belia ke bandar tidak menjejaskan sektor pertanian. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah mengadakan beberapa program dan skim menarik dalam bidang pertanian. Program-program berkenaan ialah:

- (i) Kursus Motivasi;
- (ii) Kursus Pengurusan Projek Belia Peladang;
- (iii) Skim Pinjaman di bawah Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia untuk belia-belia yang ingin memulakan projek Belia Peladang. Had maksima pinjaman sebanyak \$30,000.00
- (iv) Penubuhan Bengkel Teknologi Desa. Ia berfungsi sebagai pusat latihan dan pengeluaran hasil-hasil tempatan.

Di samping itu Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pertanian di semua peringkat bagi memastikan golongan belia menceburkan diri dalam mengusahakan projek pertanian. Sebagai contoh, diperingkat kebangsaan satu Jawatankuasa Induk kerjasama Kementerian Belia dan Sukan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang telah ditubuhkan bagi menyelaraskan pelaksanaan program penglibatan belia dalam sektor pertanian.

- (d) Memang tidak dinafikan bahawa belia-belia yang berpelesenan ada terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah, keruntuhan moral serta kegiatan jenayah. Bagi memastikan masalah ini tidak merebak Kementerian Belia dan Sukan akan mempelbanyakkan lagi

program yang berfaedah bagi membina satu generasi belia yang berdisiplin, berperwatakan mulia, bertanggungjawab, berkemahiran, berilmu dan bersikap daya saing untuk memajukan dirinya.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

BENCANA KEMARAU DI NEGERI MELAKA

3.35 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya ingin memberi pemberitahu bersurat di bawah Peraturan-Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat 18 (2) mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan tujuan merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orangramai yang berkehendak disegerakan yakni pengisytiharan oleh Kerajaan Persekutuan bahawa seluruh negeri Melaka adalah sebuah kawasan bencana kemarau dan mengambilalih semua gerakan kecemasan untuk membekal air khususnya untuk minuman dengan serta-merta kepada semua pengguna-pengguna di Melaka. Usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengizinkan saya, Ahli dari Kota Melaka untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi tujuan merunding satu perkara tertentu kepentingan orangramai yang berkehendak disegerakan yakni pengisytiharkan oleh Kerajaan Persekutuan bahawa seluruh negeri Melaka adalah sebuah kawasan bencana kemarau dan mengambilalih semua gerakan kecemasan untuk membekal air khususnya untuk minuman dengan serta-merta kepada semua pengguna-pengguna di Melaka.

Perkara ini adalah tertentu dan kepentingan orang ramai kerana ketiadaan air berlaku dengan begitu tergesa-gesa sehingga hampir seluruh negeri Melaka kering kontang. Dan pengguna-pengguna di banyak tempat tidak dibekalkan air sekurang-kurangnya selama 3 hari. Satu bencana yang tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia.

Kerajaan Negeri Melaka jelas tidak ambil berat dan mampu menghadapi bencana kemarau ini terutamanya pengurusan penggunaan air kerana catuan air hanya dilaksanakan pada 3hb Januari 1991 selama 8 jam sungguhpun keadaan sudah menjadi kritikal. Pada 7hb Januari, 1991 banyak tempat sudah ketiadaan air. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik pula semasa menjawab soalan mulut ADUN Tengkerah, Tuan Sim Tong Hing di Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Melaka antara 3hb ke 6hb Disember, 1990 telah menjaminkan bahawa Negeri Melaka tidak menghadapi masalah kekurangan air. Tidak ada satu sistem pengagihan air yang adil dan berkesan untuk memastikan pengguna-pengguna di kawasan pendalaman sama ada di bandar atau kampung mendapat bekalan air.

Saya difahami hanya 20 buah tangki lori disediakan untuk membekalkan air untuk seluruh negeri Melaka. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, juga berkehendak disegerakan kerana ketiadaan air menyebabkan:

- (a) Kesihatan rakyat Melaka terancam oleh wabak penyakit berjangkit seperti taun, demam denggi dan cirit-birit;
- (b) Kekurangan rawatan di hospital sehingga hospital swasta, district hospital terpaksa ditutup;
- (c) Kemungkinan banyak tempat dibakar hangus kalau kebakaran berlaku;
- (d) Perniagaan kerugian berjuta-juta ringgit dan nama baik Melaka dan

Malaysia sebagai pusat pelaburan dan pelancongan terjejas;

- (e) Keselamatan awam tidak terkawal dan keadaan tegang kerana terlalu ramai orang berebut-rebut meminta air; dan
- (f) Penderitaan dan tangisan rakyat yang tidak dihiraukan langsung.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan kemarau ini akan berterusan sehingga bulan Mac serta perasaan tidak bertanggungjawab, kelalaian dan ketidakmampuan Kerajaan Negeri Melaka, Kerajaan Persekutuan harus mengisytiharkan seluruh negeri Melaka sebagai sebuah kawasan bencana kemarau dan mengambilalih gerakan kecemasan untuk memastikan bekalan air sampai kepada semua pengguna-pengguna. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah terima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka berkenaan dengan kemarau yang telah melanda negeri Melaka.

Teks usul Ahli Yang Berhormat itu adalah sebagaimana yang dibacakan olehnya sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan mesyuarat hari ini kecuali beliau berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu memenuhi tiga syarat iaitu:

- (1) Perkara itu perkara tertentu;
- (2) Perkara itu bagi kepentingan orang ramai; dan
- (3) Perkara itu berkehendak disegerakan.

Setelah meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, maka saya berpendapat bahawa walaupun perkara

ini boleh diterima sebagai perkara tertentu dan bagi kepentingan orang ramai, namun ianya tidak perlu dibincangkan oleh Dewan ini pada hari ini dengan menangguhkan mesyuarat hari ini.

Saya diberitahu kejadian ini berlaku oleh sebab hujan tidak turun beberapa lama dan kawasan tadahan air di Durian Tunggal, Sungai Melaka tidak berair. Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk mengatasi keadaan ini adalah seperti berikut:

- (1) Lori-lori digunakan untuk mengagihkan air ke bandar Melaka.
- (2) Pekan-pekan yang jauh dari bandar Melaka seperti Tampin, Batang Melaka dan Lubuk China, air dibawa dari Negeri Sembilan.
- (3) Kilang-kilang di Negeri yang memerlukan air boleh menggunakan lori-lori mereka sendiri untuk mengambil air dari Negeri Sembilan.
- (4) Kerajaan sedang mengorek telaga tiub untuk menampung air bagi keperluan negeri Melaka.
- (5) Juga dirancangan supaya usaha dibuat untuk mengambil air dari sungai-sungai lain termasuk sungai-sungai di Negeri Sembilan.
- (6) Kerajaan Negeri Melaka telah melantik sebuah Jawatankuasa Bencana Air yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan usaha-usaha lain sedang diikhtiarkan untuk menyelesaikan masalah ini termasuk meminta bantuan dari pihak tentera untuk mengangkut air daripada tempat-tempat yang ada air ke tempat-tempat yang memerlukan air di Negeri Melaka.

Oleh kerana itu, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu. (*Tepuk*)

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1991

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1991

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dan Anggaran Pembangunan, 1991 dalam Jawatankuasa sesebuah Majlis." (*Hari Ketiga*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12 dan B.13 (Jadual)

Maksud P.7 dan P.8 (Anggaran Pembangunan 1991)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sila sambung.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Pengerusi, saya menyambung jawapan Jabatan Perdana Menteri terhadap perbincangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat pada perbelanjaan yang diperuntukkan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat daripada Kepong telah menimbulkan masalah perbezaan peruntukan yang diluluskan untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan bagi tahun 1988/1989 seperti yang tercatat di dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya berbanding dengan jumlah peruntukan yang terdapat dalam buku Anggaran Belanjawan tahunan berkenaan. Dalam hal ini saya menjelaskan bahawa peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen terbahagi kepada Maksud T.14 bagi ahli-ahli Suruhanjaya di bawah Maksud Bekalan B.6 untuk tujuan pengurusan.

Bagi tahun 1988, peruntukan diluluskan di bawah Maksud T. 14 ialah sebanyak \$697,000 dan di bawah Maksud B. 16 ialah sebanyak \$3,810,900, menjadikan jumlah bagi keseluruhan peruntukan tahun 1988 sebanyak \$4,507,900. Manakala peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1989 ialah sebanyak \$726,000 bagi Maksud T.14 dan \$3,594,900 bagi Maksud B.6, menjadikan jumlah peruntukan sebanyak \$4,320,900.

Ahli Yang Berhormat itu hanya membandingkan jumlah peruntukan Maksud Bekalan B.6 sahaja tanpa mengambil kira peruntukan di bawah Maksud T.14, sedangkan dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya kedua-dua peruntukan dirangkumkan sekali kerana ia merupakan Laporan Prestasi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan bagi kedua-dua tahun tersebut.

Tuan Pengerusi, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong supaya sistem pengambilan dan temuduga bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bagi guru dan bukan guru dikaji semula, inginlah saya menegaskan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan membuat kajian mengenai sistem pengambilan dan temuduga dari masa ke semasa. Mulai tahun ini Suruhanjaya telah mengkaji semula dan menyediakan garis panduan bekerja bagi temuduga dan sistem pemarkahan untuk kegunaan Lembaga Temuduga.

Mengenai cadangan melantik Ahli Panel Temuduga dari kalangan bekas guru dan pengetua, sukalah saya maklumkan bahawa buat masa ini ahli-ahli Suruhanjaya yang sedang berkhidmat terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan berkebolehan seperti bekas ketua-ketua bahagian di Kementerian Pendidikan dan bekas Pengarah-pengarah Pendidikan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan soal mengapa guru sandaran tidak disahkan dan diberi taraf berpencen. Di dalam perkara ini saya menjelaskan bahawa guru sandaran tidak layak disahkan dalam jawatan dan diberi taraf berpencen kerana mereka belum lagi dilantik ke jawatan tetap oleh kuasa melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Hanya setelah mereka dilantik ke jawatan tetap dan memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan barulah mereka layak dipertimbangkan untuk disahkan dalam jawatan dan seterusnya diberi taraf berpencen.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan mengenai isu penswastaan, begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Arau. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, inginlah saya menjelaskan bahawa Unit Perancangan Ekonomi telahpun menguruskan penswastaan 37 buah agensi Kerajaan. Mengikut rekod cukai pendapatan yang telah dipungut daripada badan yang telah diswastakan itu adalah sebanyak \$33.8 juta bagi tahun 1988 dan \$94.4 juta bagi tahun 1989. Daripada 37 buah syarikat itu hanya sebuah sahaja yang dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan iaitu Tenaga Nasional Berhad. Berhubung dengan 144 buah syarikat yang diswastakan sepertimana yang disebutkan ianya adalah syarikat subsidiary di bawah Kemajuan Ekonomi Negeri yang dipindah-milik kepada institusi swasta.

Ahli dari Arau membangkitkan soal penswastaan ini dari segi pandangan

Islam kerana mengikut beliau ada sungutan mengatakan bahawa penswastaan ini bercanggah dengan kehendak-kehendak atau lunas Islam.

Pendapat ini tidak betul, dibuat dengan tidak berhati-hati dan tidak berdasarkan pengkajian yang rapi. Dasar penswastaan adalah sesuai malah digalakkan di dalam Islam.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tidak ada masa, Tuan Pengerusi.

: **Seorang Ahli:** Takut.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tidak takut tetapi perbincangan ini sangat luas. Salah satu objektif penswastaan ialah untuk mempertingkatkan keupayaan pentadbiran dan kecekapan bagi mentadbirkan sesuatu agensi.

Ini adalah bertepatan dengan satu kaedah dalam perundangan Islam bahawa tindakan pemerintah adalah tertakluk dan dipimpin oleh kemuslihatan dan kemanfaatan, dengan izin, "Tasaraful imam manutun bil masalah". Dan dalam hal ini juga. . . .

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, ada Yang Berhormat bangun pula, hendak beri jalan atau tidak?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Osman: Saya tidak beri jalan. Ini debat yang sangat hebat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:
Point of order.

Tuan Pengerusi: Point of order.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:
35 (4).

Tuan Pengerusi: Sila duduk dahulu.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:
Oleh kerana perkara penswastaan ini, saya pernah menimbulkannya dan suka saya menjelaskan bahawa perkara penswastaan dalam perkara yang melibatkan kepentingan orang ramai seperti air, api dan seumpamanya adalah pernah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, yang ini bukan point of order ini. 35 (4) itu bukan point of order.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:
.iaitu hadis mengatakan air, api dan padang ternakan—ini tidak termasuk.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, 35 (4) bukanlah point of order. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan.

Tuan Haji Hadi bin Awang: Terima kasih.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Ini debate akademik yang sangat hebat, Tuan Pengerusi. Dan tujuan saya ialah untuk menjelaskan kedudukan ini. Satu lagi ialah panduan bahawa apabila seseorang hakim, yakni pentadbir negara berijtihad menggunakan kemampuan fikirannya. . .

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, seorang lagi bangun. Ya, hendak beri jalan atau tidak?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Serupa yang tadi, saya tidak beri.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak niat hendak minta penjelasan, saya hendak tanya Yang Berhormat sebab begini. . . .

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dia tak beri? Sekejap sahaja, sekejap. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tidak habis sampai petang.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tujuan Menteri beri penjelasan.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Pengerusi, saya telah mengambil masa Kementerian lain.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: . . . tiba-tiba saya minta penjelasan, tidak benarkan, macam mana hendak jelaskan? *(Ketawa)* Ini tidak adil, Kerajaan takut kepada Pembangkang macam mana? *(Ketawa)* Tunjuklah gentleman sedikit. *(Ketawa)*

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya bersedia mencari masa yang lain untuk tujuan ini.

Tuan Pengerusi: Peraturan Mesyuarat kata jika dia tidak beri, dia tidak berilah. Soal gentlemankah, takutkah itu tidak bersangkut.

Seorang Ahli: Masa orang sahaja gentleman, masa dia tidak. *(Ketawa)*

Dato Dr. Haji Abdul Hamid bin Othman: Apabila pihak pemerintah, yakni hakim menggunakan keupayaan fikirannya bertindak untuk kepentingan awam dan kemuslihatan awam, kalau benarlah, betul, tepat ijtihadnya itu maka dia dapat dua pahala dan sekiranya dia tidak betul, dia dapat satu pahala. Ini adalah hadis dan dasar penswastaan ini kalau pun tidak betul boleh diperbetul dan diperbaiki dari masa ke semasa.

Perkara ini adalah bersandarkan dalam sejarah Islam bahawa Saidina Omar apabila tanah Iraq jatuh ke tangan orang Islam, beliau berfikir panjang apa hendak buat dengan tanah ini. Di dalam al-Quran dengan nyata diterangkan harta-harta rampasan perang mesti dibahagi-bahagikan di antara tentera yang berperang. Saidina Omar mengambil keputusan bahawa tentera yang berperang itu bukan mahir dengan pertanian, mereka ialah dari Semenanjung Tanah Arab. Kalau tanah ini dibahagikan di kalangan mereka, maka tanah ini akan menjadi tanah terbiar. Inilah dasar-dasar yang diambil untuk memberi justifikasi bahawa untuk menolak pendapat yang mengatakan penswastaan itu bercanggah dengan pendapat Islam dan amalan di dalam Islam.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ahli dari Marang bangun pula, Yang Berhormat.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya masih tidak beri kerana kalau berdebat pun berdebat dengan dua orang alim di hadapan orang ramai ini memalukan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Masalahnya perlu diberi penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Malu siapa, Tuan Pengerusi? *(Ketawa)*

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Othman: Tuan Pengerusi, Ahli dari Pasir Mas membangkitkan tentang kedudukan dan imbuhan kepada pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai di Parlimen. Mengikut rekod Jabatan Perkhidmatan Awam, pada masa ini pegawai dan kakitangan Parlimen yang bertugas hingga melebihi waktu bekerja pejabat biasa khususnya semasa

persidangan Parlimen adalah dibayar sagu hati atas kadar \$4.50 sehari, iaitu bagi semua kumpulan pegawai kakitangan yang berkuatkuasa mulai 15 Oktober 1980. Pemberian sagu hati khas ini adalah diluluskan oleh Perbendaharaan dan ianya merupakan satu imbuhan yang sesuai.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Pasir Mas membangkitkan tentang BPR (Badan Pencegah Rasuah) tentang bahawa badan ini berkecuali atau tidak berkecuali. Mengenai soal kebebasan BPR, perkara ini telah berulang kali ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini dan telahpun berkali-kali diberikan penjelasan. Adalah ditegaskan bahawa BPR sesungguhnya adalah satu badan penyiasatan yang bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Masalah BPR ialah bahawa orang ramai enggan tampil ke hadapan untuk membuat pengaduan dan memberi keterangan.

Ahli Yang Berhormat itu juga membangkitkan tentang penahanan dan penangkapan kepada Ketua Menteri Sabah. Mengenai isu penangkapan Ketua Menteri Sabah, BPR menjalankan siasatan secara bebas untuk mengumpul bukti-bukti. Setelah selesai penyiasatan dan mendapat bukti-bukti yang cukup, baharulah BPR mengambil tindakan untuk menangkap dan mendakwa. Soal masa penangkapannya. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli dari Pasir Mas bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Othman: Tidak dapat beri, banyak lagi ini, tidak cukup masa.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini tidak memalukan, gerenti punya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia tidak beri Yang Berhormat. Dalam Peraturan Mesyuarat kata jika dia tidak beri, tidak berilah. Noktah di situ.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Othman:soal masa penangkapan tidak timbul dan apa yang berlaku terhadap penangkapan Ketua Menteri Sabah itu secara kebetulan sahaja. Tidak timbul soal sama ada seorang itu berada dalam mana-mana parti.

Persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli dari Pasir Mas mengenai Tabung Haji, beliau mencadangkan bahawa Tabung Haji patut memberi subsidi kepada bakal-bakal haji. Maklumat yang diterima dari Tabung Haji yang sepatutnya difahami bahawa matlamat Tabung Haji ialah memberi perkhidmatan kebajikan yang baik, sempurna dan amat memuaskan kepada jemaah haji Malaysia dalam urusan mereka menunaikan fardu haji. Memberi keuntungan yang maksima kepada pendeposit-pendeposit atas wang simpanan mereka, wang simpanan pendeposit Tabung Haji dilaburkan dalam perbagai bidang, perusahaan, perdagangan, perladangan, tanah dan bangunan dengan cara halal di sisi agama Islam untuk mendapat keuntungan yang maksima atas pelaburan tersebut. Keuntungan yang diperolehi dari pelaburan-pelaburan tersebut adalah kepunyaan semua pendeposit Tabung Haji. Daripada keuntungan ini, Tabung Haji membayar bonus kepada pendepositnya sebagai pulangan daripada wang simpanan mereka di Tabung Haji.

Sekiranya keuntungan ini digunakan untuk menampung perbelanjaan wang naik haji kepada jemaah haji, bonus yang akan dibayar oleh Tabung Haji akan berkurangan. Adalah tidak wajar wang keuntungan ini digunakan untuk perbelanjaan wang naik haji oleh kerana hanya sebahagian kecil sahaja daripada pendeposit Tabung Haji yang mengerjakan haji dalam sesuatu tahun.

Mengikut rekod yang didapati sekarang ini antara 2% hingga 2.3% sahaja daripada pendeposit Tabung Haji yang menunaikan haji setiap tahun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli dari Pasir Mas bangun pula, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak minta penjelasan, sebab lain maksud saya waktu saya berucap membangkitkan perkara Tabung Haji itu berbeza dengan apa yang dijawab itu. Boleh saya dapat penjelasan ataupun menerangkan apa yang saya maksudkan?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Panjang sangat, Tuan Pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Kes Tabung Haji ini banyak.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak boleh bertanya, ini Mesyuarat apa, Tuan Pengerusi.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya ingin beri keterangan dahulu. Ini bermesyuaratlah ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab saya tanya perkara yang lain, dijawab yang lain.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Pengerusi, saya hendak beri satu konsep.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak beri jalan selepas ini?

Dato Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Kepada siapa-siapa pun tidak beri jalan?

Dato Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tidak berilah, "pakat" dengar sahajalah, hari itu sudah beri peluang banyak. Masa dia bercakap dahulu seolah-olah tidak ada modallah, sudah habis bercakap, kami beri peluang.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Satu lagi mengenai Haji ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Mengenai bakal haji, kita telah dengan terang mengetahui mengenai Haji ini, yakni "Orang yang diwajibkan menunaikan Haji ialah orang yang mempunyai keupayaan meneruskan perjalanannya." Maka saya rasa penggunaan keuntungan daripada Tabung Haji, penanaman modal Tabung Haji untuk sebahagian kecil daripada pendeposit adalah tidak wajar.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga dan daripada Arau membangkitkan tentang Biro Tatanegara. Sejak Biro Tatanegara ditubuhkan pada tahun 1981 sehingga sekarang, peranannya tidak berubah iaitu untuk membentuk rupabangsa rakyat Malaysia yang cintakan negara. Di awal penubuhannya ia berperanan untuk mengawasi kegiatan belia dan pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi agar mereka bertindak selaras dengan kehendak dan aspirasi negara. Tetapi sekarang ini bukan sahaja tertumpu kepada kegiatan pelajar bahkan untuk memupuk dan mening-

katkan lagi semangat cintakan negara di kalangan semua lapisan masyarakat, dari golongan pelajar, belia, pegawai dan kakitangan Kerajaan dan sektor swasta agar mereka sama-sama berusaha untuk menunjangi usaha-usaha pembangunan dalam pelbagai bidang agama, sosial, politik dan ekonomi. Tumpuan yang diberi kepada pendidikan kenegaraan iaitu untuk membantu jenerasi warganegara bangsa Malaysia yang dapat menghadapi cabaran dan saingan di peringkat antarabangsa pada dekad-dekad yang akan datang.

Perhatian istimewa ini diberi adalah untuk melahirkan watak rakyat Malaysia yang berjiwa baru yang akhirnya akan melahirkan negara yang bermaruah dan disegani oleh dunia. Kurikulum kursus yang digunakan ialah yang bercorak penukaran watak atau sikap. Oleh itu soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas itu tidak benar.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Peruntukan yang bertambah dari setahun ke setahun adalah disebabkan bertambahnya bilangan aktiviti kursus dan latihan. Ini selaras dengan pertambahan tugasnya sebagai ejen pengubah sikap. Biro Tatanegara hanya dianggotai oleh seramai 67 orang pegawai dan kakitangan dan tiada tokoh-tokoh tertentu dilantik secara kontrak atau berkhidmat dengan BTN.

Tuan Pengerusi, itu sahaja jawapan-jawapan yang diberikan, pandangan-pandangan yang lain akan diambil perhatian oleh agensi-agensi berkenaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$16,324,000 untuk Maksud B.1; \$844,800 untuk Maksud

B.2; \$27,710,400 untuk Maksud B.3; \$15,338,000 untuk Maksud B.4; \$9,969,300 untuk Maksud B.5; \$4,299,800 untuk Maksud B.6; \$413,467,610 untuk Maksud B.7; \$581,105,900 untuk Maksud B.8; \$115,368,500 untuk Maksud B.9; \$12,919,600 untuk Maksud B.10; \$23,511,000 untuk Maksud B.11; \$480,300 untuk Maksud B.12 dan \$450,000 untuk Maksud B.13 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$16,324,000 untuk Maksud B.1; \$844,800 untuk Maksud B.2; \$27,710,400 untuk Maksud B.3; \$15,338,000 untuk Maksud B.4; \$9,969,300 untuk Maksud B.5; \$4,299,800 untuk Maksud B.6; \$413,467,610 untuk Maksud B.7; \$581,105,900 untuk Maksud B.8; \$115,368,500 untuk Maksud B.9; \$12,919,600 untuk Maksud B.10; \$23,511,000 untuk Maksud B.11; \$480,300 untuk Maksud B.12 dan \$450,000 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$503,149,130 untuk Maksud P.7 dan \$5,923,650 yang disebutkan dalam Maksud P.8 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$503,149,130 untuk Maksud P.7 dan \$5,923,650 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Maksud B.14 dan B.15 dan B.16 (Jadual)—

Maksud P.14 dan P.16 (Anggaran Pembangunan, 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.14 hingga B.16 dan Maksud Pembangunan P.14 hingga P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Silakan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

4.05 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Tuan Pengerusi, B.14, mukasurat 52, Butiran 030000 Butiran kecil 030300. Skim Pinjaman Perumahan.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang tercatat ialah \$534,700, rujukan Kertas Perintah 20, mukasurat 260 (c) Aktiviti Skim Pinjaman Perumahan.

Tujuannya Skim Pinjaman Perumahan untuk memberi kemudahan pinjaman kepada rakyat berpendapatan rendah bagi memiliki rumah sendiri sekurang-kurangnya rumah asas. Saya sangat-sangat menyokong cadangan ini. Tetapi yang amat mendukacitakan nampaknya Kerajaan tidak begitu serius dan tidak begitu bersungguh-sungguh, sebab kalau kita melihat kepada di bawah Prestasi Aktiviti Anggaran Permohonan yang dianggarkan pada tahun 1991 iaitu kesemuanya 525 buah bilangan permohonan dan yang dijangka akan diluluskan sebanyak 350. Saya merasakan bahawasanya jumlah ini amat terlalu kecil. Kita mestilah meyakini bahawasanya orang-orang yang miskin yang mahu kepada rumah ini amat ramai sekali, sepatutnya Kerajaan mengadakan suatu dasar yang raksaksa masalah perumahan ini. Sekurang-kurangnya 1/5 daripada anggaran pinjaman perumahan bagi lima tahun sepatutnya diperuntukkan kepada skim ini.

Yang kedua, persoalan rumah asas sebagaimana yang ditimbulkan di dalam tujuan, yang tercatat di dalam Kertas Perintah 20 tadi, yang penting bagi kita mestilah kita memikirkan persoalan-persoalan orang miskin ini. Bagi orang-orang miskin, kita mesti memikirkan bagaimana cara untuk mereka mendapat rumah segera, mendapat tapak rumah. Saya kira kita perlu memikirkan bagaimana satu cara untuk kita mempercepatkan supaya orang miskin dan pegawai-pegawai yang berpendapatan rendah sebagaimana yang dikatakan dalam Budget baru-baru ini, bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang berpendapatan \$500 ke bawah, Kerajaan akan memberi pinjaman tanpa bunga.

Saya rasa pegawai-pegawai ini sangat banyak jumlahnya dan amat terlalu banyak yang tidak memiliki rumah. Saya rasa perlulah pihak kita memikirkan sebagaimana yang saya katakan tadi di bawah skim yang raksaksa itu, bagaimana cara untuk kita menyiapkan rumah bagi mereka iaitu dalam bentuk rumah-rumah asas iaitu rumah yang mempunyai bumbung, mempunyai pelantaian, mempunyai dinding dan kita dapat jualkan rumah itu kepada mereka dengan harga yang murah. Kemungkinan setelah mereka mampu nanti mereka boleh membuat penambahan-penambahan di atas rumah asas yang kita sediakan itu.

Saya kira kalau hal ini dapat diatasi, dapat dilakukan oleh Kerajaan, saya kira perkara-perkara seperti ini amat menggembirakan sekali orang-orang yang miskin. Bagaimana bentuknya, berapa bilik bergantung di atas keupayaan tuan punya rumah kemudiannya. Saya cadangkan ini bagi membantu golongan miskin bagi mendapatkan rumah dengan cepat, sederhana, kalau tidak ada rumah, mereka terpaksa duduk di rumah sewa dengan sewaan saya kira untuk mencari sewa \$150-\$200 di Kuala Lumpur, di bandar-bandar saya rasa amat sulit sekarang ini.

Tuan Pengerusi, mereka adalah memerlukan rumah yang segera. Tujuan saya mencadangkan ini supaya kita dapat menyediakan rumah kepada mereka, sebuah rumah yang selesa, tetapi sederhana.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Program 030100, Kertas Perintah 19, Anggaran Perbelanjaan sebanyak \$6,290,500, rujukan muka surat 259, Kertas Perintah 20, Aktiviti Penyelarasan dan Pelaksanaan.

Kalau kita melihat kepada tujuan dan aktiviti, maka di sana kita dapat menyebut soal antaranya rekabentuk dan penyediaan pelan tatatur dan lukisan-lukisan senibina. Di sana disebut dengan jelasnya, saya tidak perlu untuk membaca lebih panjang daripada itu. Dan juga sebagaimana kita dengar baru-baru ini bahawasanya pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah mencadangkan untuk membuat rumah Islam, satu bentuk perumahan Islam, dan juga kita masih teringat dengan ucapan Menteri Perusahaan Awam sekarang ini, yang dahulunya Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah menyebut dia akan membuat rumah yang berbentuk Islam.

Saya menyokong cadangan perumahan berbentuk Islam ini, cuma yang ingin kita tahu daripada pihak yang berkenaan bagaimanakah ciri-ciri

perumahan yang berbentuk Islam itu? Bagaimana dan saya rasa perlu dijelaskan dan bagi kita rumah yang berbentuk Islam ini bukan mementingkan pada bentuknya, tetapi persoalan rumah yang berbentuk Islam ini supaya kalaulah tetamu misalnya yang datang ke rumah kita mereka mahu membuang air besar misalnya, mereka tidak payah pergi ke dapur kerana di sana ada anak isteri kita dan sebagainya, dalam keadaan pakaian yang terdedah dan sebagainya.

Kita mintalah kepada pihak Kementerian untuk menjelaskan bagaimanakah bentuk perumahan yang berbentuk Islam ini dan bilakah rumah-rumah yang berbentuk Islam ini mahu dibangunkan?

Tuan Pengerusi, yang seterusnya kita melihat kepada muka surat 259, No.3, Program Perumahan. Kerajaan kita sekarang ini nampaknya lebih memberi peluang kepada swasta untuk membina rumah-rumah ini. Kalau kita lihat pengalaman kita pada tahun yang lalu sebagaimana yang disebutkan dalam akhbar WATAN bertarikh 19.11.1990 iaitu "Pemaju perumahan larikan wang sebanyak \$43 juta".

Sebagaimana kita lihat, ini laporan perangkaan projek perumahan terbengkalai di Semenanjung sehingga 1hb Disember 1989. Kita lihat di mana negeri-negeri:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah</i>	<i>Jumlah Rumah Terbengkalai</i>	<i>Jumlah Pembeli</i>
Selangor	50 buah	11,418 unit	6,154 orang
Johor	38 buah	13,736 unit	10,986 orang
Perak	36 buah	8,278 unit	456 orang
Negeri Sembilan	20 buah	2,892 unit	1,756 orang

Setiap negeri saya lihat ada semua sekali dan jumlah perumahan yang dipohonkan semua sekali ialah sebanyak 56,000 unit dan semuanya adalah terbengkalai. Inilah pengalaman-pengalaman kita pada tahun-tahun yang lalu. Apakah Kerajaan sekarang ini tidak mahu memikirkan bagaimanakah satu sistem yang sebaiknya kita wujudkan dalam masalah perumahan ini?

Tuan Pengerusi, cuba kita lihat di Singapura. Di Singapura kita lihat pada tahun 1970an dahulu memang persoalan perumahan ini adalah merupakan persoalan yang besar yang dihadapi di Singapura, tetapi kita lihat kerana perancangan Kerajaan Singapura yang dia telah lakukan adalah begitu baik sekali. Walaupun Kerajaan Singapura, persoalan perumahan ini diserahkan kepada swasta, tetapi pihak Kerajaan Singapura telah membentuk satu Lembaga Perumahan, kalau tidak salah saya iaitu Lembaga Perumahan Singapura.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Arau minta jalan, beri jalan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya dengar tadi Yang Berhormat kata Kerajaan Singapura telah menyerahkan kepada swasta, jadi dengan ini bolehkah Yang Berhormat isytiharkan PAS bersetuju dengan penswastaan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Penswastaan perumahan saya setuju. Terima kasih. Tetapi dengan kawalan daripada pihak pemerintah. Cuba kita ambil contoh di Bandaraya Kuala Lumpur ini, di Wilayah Persekutuan khususnya, kita lihat sekarang ini bagaimana keadaan perancangan kita di masa yang lalu itu

tidak betul. Saya beri satu contoh sahaja, banyak contoh-contoh kalau mahu diberikan, di Bandaraya Kuala Lumpur misalnya, sepatutnya rumah flet itu tidak dibangunkan di sesuatu tempat, tetapi telah dibangunkan. Misalnya kita lihat di depan Hotel South East Asia itu ada perumahan, sebuah rumah flet di hadapan hotel bertaraf antarabangsa, kita lihat bagaimana keadaan rumah flet itu. Banyak lagi di Kuala Lumpur, di Wilayah Persekutuan ini, kita nampak di Selangor ini hal yang demikian itu berlaku. Benda-benda seperti ini saya rasa mencatatkan keindahan Bandaraya. Saya rasa pihak Kementerian Perumahan bolehlah memikirkan bagaimanakah sebaik-baiknya hendak membuat dan sebagaimana yang katakan kita mempunyai sebuah negara jiran iaitu Singapura yang dekat, negara tetangga kita dan mereka telah melaksanakan projek perumahan ini dengan baik dan tersusun rapi.

Saya rasa perlulah pihak kita kalau tidak mencontohi 100% Singapura, kita bolehlah mencontohi dia dengan kita membentuk satu Lembaga Perumahan yang diadakan di bawah Kementerian Perumahan ini. Maka kita merancangkan di tempat manakah rumah yang sepatutnya kita bangunkan dan kita kumpulkan sebagaimana di negara Singapura. Kalaupun persoalan-persoalan ini dapat kita lakukan, saya rasa negara kita akan mempunyai satu sistem perumahan yang baik, bukan sahaja di Bandaraya Kuala Lumpur, bahkan di bandar-bandar lain di seluruh negara kita.

Tuan Pengerusi, dalam pada itu saya ingin mencadangkan iaitu untuk kakitangan Kerajaan, sebab kakitangan Kerajaan ini kita tahu mereka telah beberapa lama berkhidmat dengan Kerajaan dan sesetengah daripada mereka telah menyampaikan rungutan kepada saya untuk disampaikan di sini.

Yang pertama, persoalannya ialah pinjaman itu lambat. Ada yang memakan

masa satu tahun, ada yang kadang-kadang sampai dua tahun baru lulus pinjaman itu, tetapi katanya kalaulah dia hendak pinjam dengan bank masanya tidak lama, tetapi mestilah bebanan pinjaman itu akan lebih membebankan lagi.

Yang kedua, kerana kita mengenangkan jasa pegawai-pegawai Kerajaan ini, mereka telah bekerja dengan begitu bertungkus-lumus, hampir lebih daripada separuh umur mereka telah mereka habiskan untuk berkhidmat dengan Kerajaan. Saya rasa apalah salahnya Kerajaan dengan bermurah hati kerana kita sekarang ini mempunyai duit agak banyak sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini. Apakah salahnya kalau semua pegawai-pegawai Kerajaan kita diberi pinjaman perumahan tanpa bunga. Saya rasa ini tidak membebankan Kerajaan. Kalaulah kita boleh memberikan pencen kepada pegawai-pegawai Kerajaan, apa salahnya kalau kita memberi pinjaman perumahan kepada pegawai-pegawai Kerajaan ini tanpa bunga.

Setakat itulah yang dapat saya sampaikan pada petang ini dan sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka.

4.19 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa dan saya ingin merujuk kepada muka surat 52, Maksud B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Butiran 040000, Program 040100 - Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak mencadangkan bahawa pemilihan diadakan sekali lagi untuk Kerajaan-

kerajaan Tempatan. Buat masa kini sejak tahun 1960an, pilihan untuk Ahli-ahli Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah diharamkan. Semua lantikan Ahli-ahli Kerajaan Tempatan telah dibuat oleh ketua atau pemimpin Kerajaan Negeri masing-masing.

Di sini saya hendak menyatakan bahawa lantikan tersebut adalah tidak accountable kepada rakyat, tidak accountable kerana mereka tidak mahu menjelaskan sebarang dasar yang diluluskan oleh mereka. Sungguhpun pihak Kerajaan telah menyatakan bahawa Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah dikhususkan untuk mengelakkan penglibatan ahli-ahli politik tetapi kita boleh lihat bahawa kesemua lantikan ahli-ahli Kerajaan Tempatan atau Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah terdiri daripada orang-orang politik terutamanya mereka yang gagal dipilih dalam pilihanraya besar. Ini merupakan satu back-door method untuk menjadi ahli Kerajaan Tempatan dan mendapat elaun untuk kerja yang mereka tidak uruskan langsung, tidak lain, seperti mendapat gaji buta.

Ada banyak contoh di mana Kerajaan Tempatan tidak bertanggungjawab langsung semasa menguruskan kerja-kerja mereka. Sebagai satu contoh, seperti yang sendiri disedari oleh Tuan Pengerusi, bahawa negeri Melaka sekarang menghadapi bencana kemarau, satu bencana yang amat menyedihkan kerana membawa penderitaan yang amat sangat kepada penduduk-penduduk di negeri Melaka. Tetapi untuk mengatasi masalah yang sangat serius ini, Majlis Perbandaran Melaka tidak mengambil berat masalah ketiadaan, ini bukan kekurangan air lagi, tetapi tiada bekalan air untuk rakyat Melaka.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, hendak beri jalan? Ada Ahli yang bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh, sebagai seorang Ahli Parlimen dari negeri Melaka, saya bagi.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tahukah Yang Berhormat masalah kekurangan air atau kemarau di Melaka ini di bawah tanggungjawab Jabatan Air Negeri Melaka? Kitapun baca dalam suratkhbar tiap-tiap hari, satu Jawatankuasa Khas diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Melaka yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, bermesyuarat tiap-tiap pagi untuk membincangkan masalah yang dihadapi oleh rakyat Melaka. Mengapa pula hendak dikaitkan dengan Majlis Perbandaran, tiada kena-mengena langsung?

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat dari Batu Berendam terlalu tergopoh-gapah, saya belum habis ucapan saya. Dia terlalu cepat, nanti saya habiskan dahulu, saya ingat Yang Berhormat sendiri akan bersetuju dan saya percaya Yang Berhormat juga balik ke kawasannya sendiri dan melihat bagaimana rakyat menderita.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Sama seperti dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Melaka yang lain, seperti Yang Berhormat dari Alor Gajah, dan saya harap juga Yang Berhormat dari Selendar yang tiada di sini, tidak tahu sama ada dia balik atau tidak, untuk mengetahui dengan lebih mendalam bagaimana rakyat menderita. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa masalah air ini telah menunjukkan berapa tidak bertanggungjawab, boleh dikatakan tidak berperikemanusiaan langsung Majlis Perbandaran Melaka. Mengapa saya cakap begitu, Tuan Pengerusi? Kerana semasa rakyat Melaka, semasa negeri Melaka ketiadaan air, Majlis Perbandaran Melaka, bandaraya bersejarah menggunakan air untuk

menyiram bunga. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat dari Batu Berendam sedar atau tidak, mereka gunakan air untuk siram bunga. Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Batu Berendam sama ada beliau bersetuju dengan tindakan sebegini.

Saya sekarang bukan bercakap fasal politik, ini adalah penderitaan rakyat, tangisan mereka tidak dihiraukan langsung. Apa yang dibuat oleh Kerajaan, air tidak dapat.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, dua Ahli Yang Berhormat bangun. Yang belakang sana.

Tuan Lim Guan Eng: Sila, Yang Berhormat dari Alor Gajah.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Boleh minta penjelasan?

Tuan Lim Guan Eng: Boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Saya ingin tahu daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sama ada beliau telahpun berjumpa dengan pihak Kerajaan yang menguruskan hal ini ataupun cuma untuk sekadar menghentam apa sahaja yang dilakukan oleh pihak Kerajaan kerana kita sama-sama maklum bahawa ini adalah satu bencana alam yang menimpa negeri Melaka dan saya lebih bersetuju, tetapi oleh kerana Yang Berhormat dari Kota Melaka ini bukan seorang Islam, kalau kita sama-sama berdoa, buat sembahyang hajatkah untuk mendapatkan bekalan air yang cukup di negeri Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya rasa bukan orang Islam sahaja yang sembahyang, semua orang dari semua kaum pun

sekarang sembahyang sama ada Kristiankah, beragama Sikhkah, beragama Hindukah, semua orang sedang sembahyang supaya dapat air. Tetapi masalah sekarang ialah kecurangan yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Melaka.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi?

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:
Boleh minta penjelasan?

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya habis dahulu, saya akan beri. Sekejap lagi. Saya juga semasa berulang alik ke kawasan saya sendiri setiap hari, saya telah berjumpa dengan Pegawai Kerajaan untuk mengetahui bagaimana keadaan sebegini boleh berlaku sehingga tidak ada air langsung, catuan air dibuat pada 3hb Januari, empat hari selepas itu tiada air langsung. Apa yang terjadi?

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, ada lagi, Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya habis dahulu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mahu beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (1).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 36 (1)? Semua sedia maklum 36 (1), ya,

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya dia bercakap di bawah tajuk mana, di bawah program mana, kerana dia tidak menyentuh langsung mengenai tajuk-

tajuk yang kita bincang? Dia bercakap fasal dasar dan juga bercakap tidak kepada perkara yang dibincangkan.

Bekalan air bukan di bawah Majlis Perbandaran tetapi di bawah Jabatan Lembaga Air atau JKR Bahagian Air.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta perhatian. Perbincangan ini haruslah ditumpukan kepada satu-satu butiran tertentu . . .

Tuan Lim Guan Eng: Saya sekarang membincang tajuk "Kerajaan Tempatan". Saya sekarang hendak katakan apakah tajuk yang saya bincang. Yang Berhormat dari Arau tidur seperti Yang Berhormat Dato' Loke Yuen Yow dan Yang Berhormat dari Bruas. Semua mereka ini tidur, tidak mengikut perbincangan langsung.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dua Ahli Yang Berhormat bangun sekali.

Tuan Lim Guan Eng: Topik, subjek, yang saya bincangkan ialah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (6). Saya tidak tidur, dia mengeluarkan sangkaan jahat, bodoh!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, minta kerjasama semua pihak, kita minta Kota Melaka meneruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Hanya manusia mengetahui yang saya tidak tidur. Kalau yang menuduh saya tidur, dia itu bukan manusia—binatang.
(*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebentar.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Saya ada satu lagi point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Apa yang hendak dibangkitkan?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Banyak sangat point of order ini. Mana satu ini?

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Point of order lagi satu, Tuan Pengerusi. Ahli Yang Berhormat ini banyak sangat sangkaan jahat. Tadi, kepada Majlis Perbandaran juga beliau menuduh tidak membuat kerja dan sebagainya dan berbagai-bagai tuduhan. Saya rasa tidak kena, kerana tidak ada Majlis Daerah, Majlis Perbandaran atau mana-mana pihak Kerajaan yang tidak memberi perhatian kepada rakyat sekiranya bencana alam berlaku.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan tunjukkan bukti kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, sila teruskan ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya akan teruskan tetapi tadi kepada orang yang bodoh, saya rasa saya tak payah jawablah. Orang yang bodoh dan tidur, tak payah jawablah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Orang yang sebegitu, yang tidur dan bodoh.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka, saya sudah katakan, teruskan ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi, Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya minta dia bercakap, Ahli dari Kepong dia pakar bahagian ini, bercakap sebut tajuk, butiran berapa, program apa? Kerajaan Tempatan terlampau luas, butiran berapa tak disebut! Sebab kami datang ke sini bukan hendak dengar mimpi-mimpi di siang hari.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sila sebut butiran, mukasurat berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, itu sebab saya katakan. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini point of order belum habis.

Duduk, duduk!

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak sebutkan butiran itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka, sila duduk sebentar.

Tuan Lim Guan Eng: Baik.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (1).Duduk dahulu!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order ke berapa itu?

Tuan Shahidan bin Kassim: 36 (1). Dia mesti bercakap mengikut tajuk, butiran dan program, sebut satu persatu dan mukasurat untuk membolehkan kita membuat rujukan. Kalau tidak, saya cadangkan Tuan Pengerusi, supaya beliau dihentikan berucap.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, sebentar ya!

Saya suka mengingatkan 36 (1) semua kita sedia maklum, jadi sila berucap mengikut butiran tertentu. Kalau keluar daripada tajuk, saya tak benarkan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya tak keluar dari tajuk. Yang saya bincang sekarang ialah Kerajaan Tempatan, saya sudah kata mukasurat 52, Maksud B.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun lagi. Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Point of order. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat mukasurat 55, ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, perkara 04.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mukasurat berapa Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Mukasurat 55.

Tuan Lim Guan Eng: Yang saya bincang mukasurat 52, apa ini?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar ya, Kota Melaka.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Perkara 04900 Majlis Bandaran Melaka tak ada peruntukan langsung, mengapa hendak dibincang ini?

Tuan Lim Guan Eng: Apa ini!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sebentar ya! Kalau boleh kita minta Menteri yang berkenaan menjelaskan kedudukan yang sebenarnya.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, itu keputusan yang dibuat oleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): ...mana satu yang betul di antara dua ini? Adakah Majlis Perbandaran ini termasuk dalam butiran ini?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Pengerusi, tidak termasuk.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan bohong ini!

Tuan Lau Dak Kee: 36 (1).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri Timbalan Menteri jelaskan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Majlis Bandaran Melaka tidak terlibat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar Ahli Yang Berhormat. Kita minta Menteri yang berkenaan untuk memberi penjelasan supaya kita boleh menyatakan.

Tuan Lim Guan Eng: Baca dahulu mukasurat berapa. Yang saya bincang mukasurat 52, tak fahamkah? Teruklah sangat! (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka, sebentar ya! Beri dia peluang.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa dia?

Tuan Lau Dak Kee: Boleh saya baca?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, kalau dia bercakap Kerajaan Tempatan di atas

tajuk Perkhidmatan, saya ingat betul. (*Tepuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Sekarang baru pandai! Kena belajar lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, teruskan ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya akan teruskan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diharap tiada gangguan lagi dari Ahli-ahli yang lain. Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, baik. Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi sebagai contoh di mana tidak berkesan, tidak mengambil berat masalah-masalah penduduk oleh Kerajaan Tempatan. Satu daripada contohnya ialah Majlis Bandar Melaka Bandaraya Bersejarah di mana semasa menghadapi bencana kemarau guna air yang harus diberikan untuk rakyat Melaka, 500,000 rakyat Melaka minum, guna untuk siram bunga. Ini sudah lebih, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Apa dia hendak?

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Minta penjelasan kalau diberi.

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, 36 (1).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila kemukakan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Saya ingat Ahli Yang Berhormat sudah lebih, fasal kalau bercakap Perkhidmatan, Yang Berhormat bercakap fasal Perkhidmatan, seluruh

negeri Melaka fasal air, jadi sudah tak betul pula. Kalau bercakap fasal Perkhidmatan Majlis Perbandaran, untuk siram bunga sudah cukuplah, sudah jelaslah, saya sudah dengar. Tetapi kalau seluruh negeri Melaka fasal bekalan air, itu tak ada kena-mengena dengan Majlis Perbandaran.

Tuan Lim Guan Eng: Itu sebagai contoh, tak faham lagi?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Saya sudah faham, awak yang bercakap. . . .

Tuan Lim Guan Eng: Kena tunjuk lagi?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Bukan kena tunjuk. Awak yang tidak patuh kepada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Guan Eng: Alamak!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, tunggu sebentar. Beri dia peluang.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Kalau bekalan air Yang Berhormat tak faham, ialah di bawah Jabatan Bekalan Air, bukan di bawah Majlis Perbandaran. Yang Berhormat telah bercakap fasal Majlis Perbandaran menggunakan air untuk menyiram bunga, itu saya sudah faham, cukup, tak lebih, tak boleh bercakap seluruh negeri Melaka mengenai air, tak perlu.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri belum jadi Pengerusi lagi. Itu keputusan yang dibuat oleh Tuan Pengerusi. Yang saya buat ini ialah sebagai contoh di mana Majlis Kerajaan Tempatan atau Majlis Perbandaran tidak cekap, tidak ambil berat masalah yang dihadapi oleh rakyat. Itu sahaja. Sebagai contoh ini, saya sudah katakan rakyat yang harus diberikan kepada rakyat digunakan untuk siram bunga, apa ini? Ini yang saya hendak tahu apakah yang dibuat oleh Timbalan Menteri.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Apa hendak sekarang?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: 36 (1).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, duduk sebentar ya! Sudah diulang kali sebut tentang air yang digunakan untuk siram bunga. Kemungkinan tak boleh diminum oleh manusia.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Boleh. Yang Berhormat boleh mintalah.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh. Ini sebagai satu bukti kalau Tuan Pengerusi.

.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya minta kerjasama, teruskan ucapan, jangan banyak gangguan.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh. Tadi Tuan Pengerusi ada tanya sama ada boleh minum atau tidak. Sekarang saya hendak tunjukkan bukti boleh minum. Ini adalah keluaran Berita Harian, ini berita Kerajaan sendiri, 100% betul punya, "Majlis Perbandaran guna air tasik siram bunga". Tahukah air tasik sekarang ini, tasik sudah tak ada air? Air tasik sekarang digunakan untuk mengagih-agihkan kepada rakyat, tetapi digunakan untuk siram bunga, apa ini?

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, bangun lagi. Beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Hendak apa?

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Saya ingin penjelasan Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, hendak tanya dahulu. Saya hendak beri atau tidak, itu hak saya.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Boleh?

Tuan Lim Guan Eng: Okay, boleh beri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Setahu saya bahawa yang tidak ada air cuma di Ampangan Durian Tunggal. Tasik-tasik, perigi-perigi, parit semua ada air di Melaka. Adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka tahu hal ini ataupun tidak?

Yang keduanya, saya berpendapat bahkan memikirkan bahawa seluruh rakyat negeri Melaka memikirkan bahawa ini satu bencana alam yang menimpa. Maka adalah perlu bagi kita semua, seluruh rakyat negeri Melaka untuk memikirkan bersama-sama untuk menolong membantu rakyat yang susah memberikan air. Saya dengar khabar bahawa sesetengah dari parti Pembangkang cuma membekalkan air kepada penyokong-penyokongnya dan ini telah menimbulkan sedikit kekecohan. Jadi saya berharap kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka jangan diheboh-hebohkan isu ini di Parlimen yang mulia ini, bahkan lebih baik kita balik ke sana dan kita bincangkan bersama dan kita bantu rakyat yang susah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya kesal betul Yang Berhormat dari Alor Gajah tentang tingkahlakunya. Setiap hari saya balik sungguhpun ada mesyuarat Parlimen. Saya tak tahu sama ada Yang Berhormat dari Alor Gajah berbuat demikian. Setiap

hari saya balik supaya dapat bersama dengan rakyat menghadapi masalah tersebut.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat tadi, saya sedar tasik-tasik di Melaka masih ada air, hanya ampangan, kawasan tadahan air sahaja tak ada. Kalau cakap kemarau, ada orang kata keadaan di Melaka tak sama seperti ada kemarau kerana sawah masih ada air. Oleh sebab itu kita hendak tanya bagaimana keadaan ini boleh berlaku, sawah ada air tetapi ampangan tak ada air. Tasik ada air, ya, tetapi berapa lama boleh tahan. Ini yang kita tak tahu. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau bangun lagi. Kota Melaka sebentar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Lim Guan Eng: . . . tetapi masalah sekarang ialah bagaimana kita boleh mengagihkan air supaya dapat membekalkan air kepada rakyat. Itu yang menjadi pokok soalan sekarang. Saya tak mahu bercakap tentang siapa yang bertanggungjawab, itu lebih lambat lagi. Yang penting sekarang bekalkan air kepada rakyat. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka, sebentar ya. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order, okay. Point of order apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order kepada pelawak daripada Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: *(Disampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka, sila hormati keputusan. Duduk sebentar!

Tuan Shahidan bin Kassim: Pelawak Kota Melaka, tuan telah tidak bercakap mengenai tajuk yang dibincangkan. Masa yang paling berharga ini harus dibincangkan mengenai masalah Kerajaan Tempatan, masalah perumahan kos rendah. Sekarang ini sudah cerita, cerita, sudah terbobor yang Pembangkang sekarang mencuri air beri kepada penyokong-penyokongnya dan kepada orang-orang lain tidak beri.

Saya menuduh dalam Parlimen ini Pembangkang mencuri air memberi kepada ahli-ahlinya dan menyebabkan catuan air yang dibuat di Melaka sekarang ini tidak menentu. Saya tuduh dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar ya, Yang Berhormat. Saya minta kerjasama Yang Berhormat untuk membincangkan perkara yang lain selain daripada air, sudah cukuplah tentang air itu. Banyak kawan-kawan lain perlu memberi ucapan. . . .

Tuan Lim Guan Eng: Baik, baik, kecuai. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, 5 minit sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: . . .saya minta.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kerana ada dua Kementerian hari ini.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti sekejap, nanti sekejap.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): . . .supaya Yang Berhormat dapat membincangkan perkara yang lebih banyak lagi. Minta kerjasama.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi mesti berikan notis dahulu. Itu amalan biasa. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tentang air, saya tidak beri lagi, sudah cukup. Tentang air, saya tidak beri. Saya beri.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tetapi saya hendak menjawab tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak payah jawab. Tidak payah jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Itu sangkaan jahat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak payah, dia terima. Keputusan saya tidak payah dijawab.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, dia sudah buat sangkaan jahat kepada saya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak berucap atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak berucap.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, right. Tadi Yang Berhormat dari Arau cakap saya curi air, Pembangkang curi air. Itu salah, kerana saya boleh berikan angka. Dua tangki diberikan kepada setiap kawasan. . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Point of order 36 (1). Tuan Pengerusi kena bertegas sedikit atas perkara ini, kalau tidak, dia melarat ke tempat lain. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Dia buat sangkaan jahat kepada saya. 36 (6), dia buat sangkaan jahat, Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Osu bin Haji Sukam: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Duduk sebentar, Kota Melaka! Ya, Timbalan Menteri.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Peraturan 43, keputusan Pengerusi adalah muktamad.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, duduk sebentar ya! Saya minta kerjasama semua Ahli. Sudah cukuplah berbincang tentang air. Kita semua mengerti keadaan itu. Sudah cukup, semua tahu keadaan itu. Kelmarin saya juga pergi di Melaka. Saya pergi tengok, cukup simpati. Jadi, saya minta Yang Berhormat meneruskan ucapan tentang perkara yang lain lagi. Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, tetapi saya hendak cakap Yang Berhormat dari Arau, bohong, penipu. (*Tepuk*) Saya akur terhadap arahan Tuan Pengerusi dan saya hendak pergi kepada tajuk yang lain. Saya tidak mahu layan orang penipu, orang bohong, orang badut. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Mukasurat 53, juga di bawah Butiran 040000, Program Aktiviti tajuk Kerajaan Tempatan, Aktiviti 040200 Kemajuan Perkampungan, Kod 10000-40000.

Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada laporan Belanjawan dan Prestasi yang menunjukkan peruntukan yang diberi untuk kemajuan Kampung-kampung Baru. Mengikut angka yang diberikan oleh pihak Kementerian bahawa pada tahun 1989, 25 batang jalanraya dibina dan 20 jalanraya dibaiki, hanya 25 jalanraya dibina dan 20 jalanraya dibaiki di mana panjang jalan yang dibina 5,000 meter sahaja. Tetapi untuk tahun 1990 dianggarkan 125 jalanraya dibina dan panjangnya 21,000 meter.

Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah satu prestasi, satu pencapaian yang amat memalukan. Hanya 25 batang jalanraya dibina sepanjang tahun 1989 dan anggaran untuk tahun 1990 ialah 5 kaliganda. Saya tidak mempunyai keyakinan bahawa pihak Kementerian boleh mencapai target mereka. Dan saya hendak mencabar Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kalau ini tidak boleh dicapai, adakah beliau bersedia meletakkan jawatan? Beliau selalu berkata bahawa untuk Rancangan Malaysia Keenam, pihak Kementeriannya akan memohon peruntukan sebanyak \$128 juta. Tetapi selepas ditanya dengan terperinci dan mendalam oleh kami, dia sekarang berdolak-daleh menyatakan bahawa ini tidak benar. Saya amat kesal dengan sikap Yang Berhormat Menteri ini. Juga bahawa beliau hari ini tidak berani datang ke Dewan yang mulia ini untuk mendengar dan menjawab hujah-hujah yang diutarakan oleh Ahli-ahli untuk. . .

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: 36 (6) sangkaan jahat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Duduk sebentar Kota Melaka, point of order!

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: . . . dia ada tugas lain yang penting. Tidak patut tuduh Yang Berhormat Menteri takut. Siapa awak dia mahu takut?

Tuan Lim Guan Eng: Saya masih cakap dia takut. Bukan seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri, sungguhpun harus belajar lagi, tetapi berani datang.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: 36 (6), saya minta dia tarik balik sangkaan jahat terhadap Menteri Perumahan yang takut hadir pada hari ini. Yang Berhormat Menteri ada tugas yang lain.

Tuan Lim Guan Eng: Tugas apa?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tugas Kementerian.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah dia akan menjawab sebentar lagi?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Saya ditugaskan menjawab

Tuan Lim Guan Eng: Ah! Itulah.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah tugas itu lebih penting daripada tugas Parlimen? Bukankah ini satu penghinaan kepada Dewan yang mulia ini, kalau mahu debate atas perkara ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, dialogue tidak dibenarkan dalam Parlimen.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri adalah sama taraf dengan Menteri untuk menjawab soalan di Parlimen.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat. . . .

Tuan Lim Guan Eng: Yang penting sekali sama ada dia menghormati Parlimen. Ini tidak menghormati Parlimen, tidak hadir dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka, sebentar ya. Point of order tadi seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada Ahli-ahli yang lain. Jadi, sila ambil perhatian tentang perkara ini. Jangan diulang lagi. Jangan diulang perkataan yang bercanggah dengan peruntukan ini. Faham?

Tuan Lim Guan Eng: Ya, Tuan Pengerusi. Seperti yang saya cakap tadi, ini jelas, tidak berani datang, takut.

Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk sekarang kepada Maksud 16, mukasurat 59.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Parit Sulong, beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Kenapa? Tidak ada masa.

Tuan Ruhanie bin Ahmad (Parit Sulong): Tuan Pengerusi, saya ingin untuk mendapat penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan? Nanti sekejap, saya habiskan ini dahulu, duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Baik. Maksud Bekalan B.16—Jabatan Perkhidmatan Bomba, mukasurat 59, Butiran 020000 Operasi Melawan Kebakaran. Dan juga Butiran 030000 Pencegah Kebakaran dan Kod kedua-dua ini 10000 hingga 30000.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya pihak Kementerian sama ada Jabatan Perkhidmatan Bomba mengadakan contingency measures, dengan izin, untuk memastikan bahawa bekalan air cukup untuk memerangi sebarang kebakaran yang berlaku terutamanya apabila.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi yang bangun.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Tuan Pengerusi, point of order 43, keputusan Pengerusi adalah muktamad. Tadi kata 5 minit. Dia sudah tambah lagi lebih 5 minit. Ramai lagi yang lain hendak bercakap.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, ini saya rasa mulut tempayan sangat (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Melaka, tidak dengar saya panggil?

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tiga kali saya panggil tidak dengar.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak dengar.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta pendekkan ucapan. Beri peluang kepada yang lain. Minta pendekkan ucapan. Hari ini diperuntukkan satu hari untuk dua Kementerian.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya habiskan. Oleh sebab itu, saya tidak mahu beri jalan tadi. Kalau saya hendak panjangkan, saya akan berikan jalan, itu yang saya tidak mahu buat.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: (*Bangun*)

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Point of order, banyak sangat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Perkataan mulut tempayan kepada wanita unparliamentary. Tarik balik.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Saya minta tarik balik.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bercakap bahasa yang kurang manis kepada wanita.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sebelah sana.

Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, Point of order 42.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sebelah sana - point of order 42.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Point of order 42, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi tadi telah beberapa kali menegur Ahli Yang Berhormat tetapi kalau mengikut point of order 42 maka sesiapa Ahli Yang Berhormat yang sedang bercakap atau hendak bercakap dalam Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa hendaklah duduk dan diam supaya cakap Pengerusi boleh didengar dan tidak terganggu.

Saya nampak Ahli Yang Berhormat tidak langsung mengendahkan dan tidak memberi penghormatan langsung kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Banyak kali Ahli Yang Berhormat buat begitu-banyak.

Tuan Lim Guan Eng: Saya berucap, oleh sebab itu semua kena diam termasuk Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kena diam.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kota Melaka, tidak apalah, teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya hendak teruskan. Ini semua buat kacau sahaja. Tuan Pengerusi mengenai operasi melawan kebakaran. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita sudah tidak ada banyak masa. Apa lagi Arau? Belakang sana ada satu lagi. Arau?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya inginkan penjelasan sama ada "mulut tempayan" kepada wanita, parliamentarykah atau unparliamentary. Sebab itu menjatuh maruahnyanya sebagai wanita bila disebut "mulut tempayan".

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tarik baliklah perkataan itu kepada wanita. Saya beri ruling.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, kalau. .

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak apa.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti-nanti, baik-baik. Kalau Tuan Pengerusi kata "mulut tempayan" tidak manis untuk kaum wanita saya hormati dan saya akan tarik balik untuk Yang Berhormat...dari mana?

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Shah Alam.

Tuan Lim Guan Eng: Shah Alam. Kerana beliau seorang wanita.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Tetapi, Tuan Pengerusi, Point of order 43 tetap point of order kerana janji Pengerusi lima minit tetap lima minit.

Tuan Lim Guan Eng: Ini keputusan Tuan Pengerusilah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi kalau Yang Berhormat. . . .

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Bercakap dengan Tuan Pengerusi, bukan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Yang Berhormat duduk! Saya bercakap dengan Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Guan Eng: Atas apa?

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Point of order!

Tuan Lim Guan Eng: Ini sudah diputuskan.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: 43.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, saya sudah ambil perhatian.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi sudah buat keputusan. Sila duduk, saya tidak mahu sebut-sebut lagi, nanti kena lagi. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kota Melaka. . . .

Tuan Lim Guan Eng: Sila duduk. Saya tidak mahu sebut-sebut lagi.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Saya tidak takut, Yang Berhormat, hendak kena apa pun tidak apa.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya tidak mahu. Saya tidak mahu buat begitu.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Tetapi point of order tetap point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak mahu buat begitu, sila duduk! Kerana. . .

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Saya takut Yang Berhormat takut dengan saya nanti. (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: Ini mustahillah!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya akan teruskan. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Arau mahu sendiri dikatakan "mulut tempayan",, okay, dia "mulut tempayan".

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat. . .

Tuan Lim Guan Eng: Itu saya berikan, free of charge, tidak apa.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, teruskan ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Jabatan Perkhidmatan Bomba. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, Point of order 36 (6).

Tuan Lim Guan Eng: Apa ini!

Tuan Shahidan bin Kassim: Sangkaan jahat. (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: Tadi dia cakap "saya tidak apa". Sekarang dia cakap sangkaan jahat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ingat saya pun hendak bercakap banyak ini. Dia bermain-main dengan sandiwaranya. Kalau hendak jadi pelawak kita boleh jadi pelakun di luar. Di dalam ini kita tidak boleh berlakun.

Tuan Lim Guan Eng: Badut hanya satu sahaja!

Tuan Shahidan bin Kassim: Awak kalau seorang pelawak yang terkenal. . .

Tuan Lim Guan Eng: Badut hanya satu sahaja, anda!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar. Kota Melaka pendekkan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya hendak habiskan. Jabatan Perkhidmatan Bomba—sekarang saya stuck di situ. Tidak boleh jalan. Hendak jalan, tidak boleh jalan.

Seperti saya katakan tadi, saya hendak tanya apakah rancangan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk memastikan kalau keadaan kemarau di mana tidak ada air langsung. Bekalan air tidak cukup untuk memerangi sebarang kebakaran yang berlaku seperti apa yang mungkin berlaku di Melaka di mana bencana musim kemarau wujud. Ada ramai rakyat Negeri Melaka bimbang kalau sebarang kebakaran berlaku banyak tempat akan terbakar hangus kerana tidak ada bekalan air langsung untuk memerangi kebakaran yang berlaku.

Di sini Jabatan Perkhidmatan Bomba Negeri Melaka sendiri mengakui bahawa mereka tidak mampu untuk mengawal atau memerangi sebarang kebakaran yang berlaku dan mereka hanya harap supaya orang-orang awam berjaga-jaga sedikit. Saya tidak menyalahkan Jabatan Perkhidmatan Bomba kerana ini adalah satu keadaan yang di luar jangkaan mereka. Tetapi perlulah diwujudkan satu sistem di mana air sentiasa ada supaya sungguhpun ada kemarau, kalau sesuatu kebakaran berlaku api itu boleh dipadamkan dan ini adalah sangat penting, Tuan Pengerusi. Kerana saya khuatir, Tuan Pengerusi, bukan sahaja bencana kemarau melandai Melaka tetapi mungkin bencana api juga akan melandai Melaka dan saya percaya semua ahli-ahli di Dewan yang mulia ini tidak mahu bandaraya bersejarah, negeri bersejarah di mana semuanya bermula hangus atau lesap begitu sahaja. Oleh sebab itu saya harap Jabatan Perkhidmatan Bomba bolehlah mengaturkan atau membuat persediaan memberikan bantuan kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba di Melaka supaya mereka mampu menghadapi sebarang kebakaran yang berlaku.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 52—Perumahan, 030200 Tajuk—Penyelidikan dan Pembangunan, Kod 10000, 20000 dan 50000 sekaligus.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya juga hendak bertanya apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi projek-projek perumahan yang terbengkalai.

Di sini saya hendak bertanya mengenai dua projek di Melaka iaitu Taman Seri Jaya di Pokok Mangga, Melaka dan Taman Sayang Selasih, juga di Melaka. Sungguhpun Kementerian telah campur tangan dengan kedua-dua kes ini tetapi telah memberikan janji bahawa projek ini akan dipulihkan tidak lama lagi, tetapi sehingga hari ini belum ada satu tindakan yang diambil. Saya juga hendak menyeru pihak Kementerian supaya mengambil tindakan yang tegas kepada pemaju-pemaju yang menipu wang pembeli-pembeli rumah.

Saya rasa kes-kes di mana pemaju-pemaju di dakwa di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) adalah terlalu kecil untuk menakutkan mereka supaya jangan menyelewengkan wang pembeli-pembeli rumah.

Tuan Pengerusi, saya juga bersetuju dengan pendapat yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa skim pinjaman rumah harus diperluaskan dan peminjam-peminjam tidak harus dikenakan faedah yang tinggi. Kalau faedah percuma tidak boleh diberikan sekurang-kurangnya faedah nominal dikenakan. Saya juga hendak bertanya mengapa sehingga hari ini pihak Kerajaan enggan mengecualikan pembeli-pembeli rumah khususnya kakitangan-kakitangan Kerajaan, pembeli-pembeli projek perumahan terbengkalai mengecualikan mereka daripada membayar faedah. Oleh kerana, Tuan Pengerusi, ramai pembeli-pembeli tersebut bukan sahaja dikenakan

membayar faedah pinjaman wang daripada Kerajaan tetapi mereka juga kena membuat bayaran sewa untuk rumah yang mereka tinggal sekarang dan keadaan ini amat membebankan mereka.

Oleh sebab itu saya menyeru sekali lagi kepada pihak Kerajaan timbangkanlah permintaan mereka supaya mereka dikecualikan daripada membayar wang faedah untuk projek perumahan yang terbengkalai.

Tuan Pengerusi, saya tidak hendak bercakap dengan panjang lebar kerana hendak memberi peluang kepada Ahli-ahli yang lain, kecuali badut tidak payah beri. Oleh sebab itu saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingin meneruskan ucapan setelah badut dari Kota Melaka bercakap tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah maksud Bekalan 14, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya hanya akan menyentuh perkara-perkara yang dibincangkan di sini, tidak seperti badut -beruk dari Kota Melaka.

Berhubung dengan Butiran 010000 Khidmat Sokongan. Saya bersetuju secara keseluruhannya dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana telah berjaya dalam aktiviti-aktivitinya walaupun mereka telah dicabar, Menteri mereka telah dicabar untuk berhenti tadi. Saya juga ingin mencabar kepada Ketua Pembangkang supaya berhenti kerana kegagalan Projek Tanjung Ilnya dan digantikan dengan badut dari Kota Melaka supaya dia boleh memimpin DAP.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat. Saya tak faham apa makna badut ini. Boleh terangkan sedikit tak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya juga tak faham, tetapi sebab saya dapat gelaran macam itu dan semua orang nampak bersetuju, saya tanya kawan saya sebelah pun dia tak tahu, mungkin ini istilah dari Melaka dan sebagainya, saya tidak tahu, tetapi saya ingat istilah itu merupakan istilah kurang baik. Jadi, saya pun terpaksa bagi balik kepadanya. Kecuali kalau istilah baik, saya pakai untuk diri saya.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian ini, sejauh manakah peratusan projek ataupun aktiviti yang telah selesai dilaksanakan sehingga kini supaya dengan itu pujian yang saya berikan bahawa Kementerian ini telah melaksanakan program dan aktivitinya sampai ke tahap yang memuaskan tadi dapat diterima.

Yang keduanya, di bawah Khidmat Sokongan juga di bawah Latihan. Saya ingin bertanya sejauh manakah seminar yang meliputi pendedahan kepada impact social projek perumahan sehingga kepada socio-ecology, cara hidup dan juga integrasi kaum diadakan kepada pegawai-pegawai dan juga semua sekali kakitangan dan juga mereka yang terlibat secara langsung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membolehkan kita mewujudkan satu rupa bentuk perpaduan yang sebenarnya di peringkat Kerajaan Tempatan.

Saya juga ingin menyentuh sedikit di bawah Unit Perundangan iaitu sehingga kini berapakah kes yang telah didakwa iaitu saya ingin tahu dari segi kes yang berjaya dan juga kes yang gagal.

Jadi, saya juga ingin pihak Kementerian supaya mengumumkan bilangan kes projek perumahan yang terbengkalai dan tindakan yang diambil untuk melindungi pembeli rumah. Berapakah peruntukan bumiputera yang tidak dijual yang telah diberikan kelulusan untuk Kementerian untuk dijual kepada bukan bumiputera.

Ke arah usaha ini juga berhubung dengan perundangan ini, saya ingin bertanya sejauh manakah usaha-usaha dibuat untuk menentukan supaya tanda iklan ataupun papantanda di semua kawasan perumahan Kerajaan Tempatan untuk menunjukkan bahawa ianya sebenar Malaysia, keMalaysiaan.

Sebagaimana yang kita maklum pada masa sekarang oleh kerana tindakan yang kurang tegas yang diambil oleh pihak Penguasa Tempatan, kita lihat iklan dan juga papantanda nama di kawasan-kawasan premis perniagaan. Sekarang ini kalau kita pergi ke satu kawasan bandar seperti Ipoh ataupun Alor Setar, Penang dan juga tempat-tempat lain seolah-olahnya kita masuk ke kawasan perbandaran yang bukan di Malaysia. Malah perkataan, dahulu telah dipersetujui supaya Bahasa Malaysia digunakan di atas dan juga bahasa-bahasa ibunda digunakan di bawah tetapi dalam keadaan tertentu kita lihat Bahasa Malaysia tulisannya terlampau kecil, sementara bahasa ibunda digunakan dengan begitu besar. Dengan ini kita tidak mahu kawasan-kawasan perbandaran ini mencorakkan seolah-olahnya bukan bandar di Malaysia. Kita takut jika perkara ini berterusan, pihak Pembangkang, terutamanya DAP akan mengambil kesempatan untuk menanggung di air keruh untuk mewujudkan keadaan tidak harmoni dan seterusnya mereka akan mencari peluang untuk menang kerusi di kawasan-kawasan bandar.

Perkara-perkara kecil ini harus diberi perhatian. Sebab kita tahu rakyat-rakyat di bandar amat bersetuju dengan Kerajaan. Mereka cukup sayang kepada Kerajaan.

Tuan Lau Dak Kee (Ipoh): Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Saya rasa apabila beliau hendak bincangkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bincanglah di kawasan Arau sahaja, janganlah mencero bohi kawasan yang lain di mana beliau tidak memahami keadaan yang sebenarnya.

Oleh kerana itu saya minta dia ambil perhatian, janganlah tepuk air dalam dulang.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli dari Arau silakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya Ahli Parlimen Malaysia, bukan Ahli Parlimen Arau sahaja. (*Tepuk*) Saya hendak sebut ini supaya semua orang DAP jangan claim kalau dia datang dari Sungai Besi, Sungai Besi itu hak dia ataupun dia datang dari Ipoh, Ipoh itu hak dia. Tidak. Saya juga berhak untuk bercakap fasal Ipoh. Saya juga berhak untuk bercakap untuk negeri-negeri lain, lebih-lebih lagi negeri saya yang kecil ini sudah cukup membangun saya boleh tumpukan kepada negeri yang lain pula.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Arau, kalau sesiapa yang ingin berucap itu memahami perkara yang dibincangkan itu dengan betul dan tepat. Tadi saya merujuk Ahli Yang Berhormat dari Arau itu yang mengatakan apabila dia masuk ke bandar Ipoh nampak papan-papan iklan itu yang dituliskan itu tulisan bahasa ibunda yang lebih besar daripada tulisan Bahasa Malaysia. Tuan Pengerusi, di sini saya hendak memberitahu bahawa teguran itu tidak betul, tidak tepat. Di mana Undang-undang Iklan Kecil yang telah berkuatkuasa di Ipoh itu telah berkuatkuasa dengan sepenuhnya. Saya tidak mahu Ahli dari Arau itu hendak memutarbelitkan keadaan yang sebenar dan saya tidak mahu dan tidak suka Ahli dari Arau itu akan menghadapi satu masalah yang berulang-ulang kali ditimbulkan oleh dirinya sendiri kerana membangkitkan perkara yang tidak sihat. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya sedar undang-undang ini ada, cuma perlaksanaannya saya minta disegerakan. Saya beri tahu janggan

menakut-nakutkan saya dengan pengundi-pengundi Cina. Jangan menakut-nakutkan. Kita dalam Barisan, kita tidak pernah fikir hal itu, malah calon-calon MCA menang kerana pertolongan UMNO dan UMNO juga menang setengahnya dengan pertolongan MCA.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, saya tidak sebut hendak menakut-nakutkan sesiapa. Tuan Pengerusi, 36 (6)

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia menggugat saya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kedua-dua diminta duduk

Tuan Lau Dak Kee: Point of order. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Point order berapa?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat dari Arau dan Ipoh duduk sebentar. Ahli dari Ipoh sila duduk. Ahli Yang Berhormat tadi bangun untuk meminta penjelasan. Bukan memberi nasihat. Dalam peraturan mesyuarat minta penjelasan, ya. Jangan salah lain kali. Arau teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, jangan cuba menakut-nakutkan saya. Saya berdiri di sini atas hak saya. Saya hendak kalahkah, saya hendak menang saya punya pasal. Jangan takut-takutkan dari segi perkauman dengan saya. Ini anak jantan dari dalam perut ibu saya lagi. Bodoh semua ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, Peraturan mesyuarat 36 (6).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar, 36 (6) banyak kali disebut. Saya tanya tadi, apa dia 36 (6)?

Tuan Lau Dak Kee: 36 (6) sangkaan jahat. Tuan Pengerusi, saya tidak sebutkan 'saya hendak menakut-

nakutkan dan membawa perkara-perkara sensitif. Saya tidak langsung sebutkan perkara Cina, Melayu atau India. Saya tidak sebut, hanya Ahli Yang Berhormat dari Arau hendak membangkit-bangkitkan, hendak mengkait-kaitkan perkara ini dengan perkara perkauman. Saya tidak faham mengapa dia berbuat begitu. Mungkin ada suis yang salah di sana sini juga.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, kita yang berada di sini, walaupun setengahnya tak belajar tinggi, tetapi kita boleh memahami bahasa yang dipakaikan. Saya bercakap tadi fasal iklan, ada sebut perkataan bahasa ibunda. Dia hendak kaitkan perkataan itu kononnya di Parlimen ini saya bercakap berhubung dengan isu fasal sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Dia hendak kaitkan katanya saya ini akan termakan dengan apa yang saya buat sendiri. Itu dia rujuk benda, cuma yang dia anggap saya dengan dia faham, tetapi semua orang faham. Kalau hendak perli-perli permainan saya, tak payahlah. Dengan orang lain tak apa.

Kemudian, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh iaitu saya cuma hendak bertanya soalan supaya mendapat jawapan, tetapi saya tak perlu jawapan dari DAP, saya hendak jawapan dari Menteri. Itu lebih tepat.

Saya ingin menyentuh tentang perkara 020000 dan juga 030000 berhubung dengan perancangan pembangunan dan juga perumahan. Saya ingin perincian kalau boleh, prestasi bilangan unit rumah murah yang telah dirancangkan, yang telah disiapkan, yang telah lewat dan juga yang terbengkalai. Saya juga ingin mendapat maklumat berhubung dengan kajian mengenai taburan lokasi projek-projek kawasan rumah murah. Saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan mewujudkan Tabung Amanah untuk membeli unit rumah peruntukan bumiputera yang tidak terjual dan rumah-rumah ini di 'held in trust' dengan izin, untuk kuota bumiputera supaya

ianya masih berada di tahap yang berkenaan untuk mengimbangkan kedudukan kaum dan juga perpaduan di negara ini.

Juga berhubung dengan program perumahan, pihak Kementerian adalah dicadangkan untuk mendapat ataupun diberi kuasa tertentu untuk memastikan supaya projek-projek yang ada itu tidak tergendala ataupun terbengkalai. Kita juga tidak patut mensyaratkan seperti yang telah disebutkan oleh ramai pihak termasuk pihak Pembangkang iaitu pembeli rumah tidak patut mensyaratkan dalam projek rumah terbengkalai tidak membuat tuntutan apabila pemaju lain mengambil alih pemulihan projek yang terbengkalai tersebut. Kemudian saya juga memohon dan juga ingin bertanya apakah Undang-undang diadakan untuk Kerajaan menyenaraihitamkan Pengarah-pengarah yang terlibat dalam syarikat-syarikat yang mengurus projek perumahan yang sengaja diterbengkalakan.

Saya juga ingin mendapat maklumat berhubung dengan perancangan 1991, iaitu berapakah rumah murah yang telah dicadangkan untuk didirikan, rumah pangsa kos rendah dan rumah kos sederhana kerana ini adalah penting untuk kita mendapat gambaran yang sebenarnya sejauh manakah usaha-usaha kita untuk menolong penduduk-penduduk miskin terutamanya di Bandaraya yang saya telah sentuhkan dalam ucapan saya mengenai Jabatan Perdana Menteri, tetapi saya ingin jawapan yang sepenuhnya oleh kerana saya tidak mendapat jawapan yang sepenuhnya tadi berhubung dengan, sejak daripada Rancangan Malaysia Kelima ini, berapa banyakkah rumah kos rendah yang telah dibina di Bandaraya Kuala Lumpur kerana kita dapati bahawa terdapat hampir 50% daripada penduduk-penduduk di Kuala Lumpur adalah mereka yang miskin dan daripada itu 30% memang tidak mampu untuk membeli rumah kos rendah dan mereka ini mampu untuk menyewa rumah-rumah kos rendah. Jadi, saya ingin bertanya sejauh manakah perancangan

akan dibuat pada masa yang akan datang untuk menjamin supaya penduduk miskin ini mendapat perhatian dan mengapakah dari segi keutamaan kita lihat perhatian diberikan lebih kepada kondominium-kondominium mahal seperti yang telah saya sebutkan dalam ucapan saya yang lepas.

Kemudian berhubung dengan perlesenan, saya juga ingin meminta supaya pihak Kementerian memastikan syarikat yang kukuh sahaja iaitu yang diberikan lesen iaitu dengan mempunyai modal yang mencukupi supaya tidak berlaku soal projek tergendala, pembeli ditipu dan sebagainya dan disyaratkan supaya pemaju yang baru dilaksanakan dengan menggunakan "project managers" yang lebih profesional. Walaupun lanjutan tarikh siap diberikan oleh Menteri, pembeli rumah patut diberikan pampasan daripada tarikh siap yang dijanjikan dalam surat jual-beli dan pampasan dibuat oleh satu Tribunal—ini saya cadangkan—Tribunal ataupun Jawatankuasa untuk menjaga kepentingan pembeli. Dan juga lain-lain perkara berhubung dengan jual beli ini yang kalau saya ingin sebutkan di bawah ini agak panjang sedikit oleh kerana saya ingin menghadkan masa supaya kawan-kawan saya dapat juga bercakap.

Saya juga ingin mencadangkan dan juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian berhubung dengan pengawasan dan juga penguatkuasaan sejauh manakah ketegasan yang diberikan oleh pihak Kerajaan untuk pemaju yang lewat menyiapkan rumah dan juga sejauh manakah tindakan untuk tidak memberi lanjutan tarikh siap rumah.

Berhubung dengan Kerajaan Tempatan di bawah Butiran 040000-Kemajuan Kampung. Saya ingin mencadangkan di sini—ini untuk tujuan perpaduan-supaya kampung-kampung baru yang dahulu, sekarang ini sudah pun kita namakan kampung biasa sahaja, oleh kerana kita lihat di seluruh kampung baru memang terdapat kawasan-

kawasan yang ada berjiran dengan kampung-kampung tradisional untuk tujuan perpaduan dan juga keharmonian kaum supaya ditempatkan bersama-sama penduduk-penduduk daripada kampung-kampung tradisional, ini untuk diwartakan sama seperti kampung dalam kawasan kampung baru tadi.

Dengan ini saya rasa identiti yang seolah-olah kampung baru itu terdiri daripada penduduk-penduduk daripada satu bangsa sahaja tidak timbul dan saya tidak mahu mana-mana pihak cuba eksploitasi ataupun mengambil kesempatan daripada keadaan ini untuk menunjukkan seolah-olah yang mereka itu champion kepada kampung-kampung baru pada hal yang champion kepada kampung baru itu ialah MCA, bukan DAP, tetapi mereka selalu mengambil kesempatan ini untuk memusnahkan dan mencari jalan supaya MCA dan Barisan ini mempertikaikan sesuatu dalam Barisan. Jadi dengan cara begini, dengan kampung ini diluaskan dimasukkan juga kampung-kampung tradisional yang berdekatan ianya menjadi satu rupa bentuk kampung yang sebenarnya kampung yang kita kehendaki untuk kedudukan rupa bangsa Malaysia yang kita idam-idamkan.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pergunakan Jawatankuasa)*

Akhir sekali saya ingin menyentuh fasal Bomba, Butiran 020000, Maksud Bekalan 16.

Tuan Pengerusi, walaupun wakil dari Kota Melaka tadi telah hanya membincangkan yang dimaksudkan Kerajaan Tempatan ini seolah-olahnya Melaka sahaja dalam Malaysia ini, pada halnya kita membincangkan dengan secara terperinci berhubung dengan perancangan Kerajaan Tempatan dan juga perumahan di seluruh Malaysia. Saya juga ingin mencadangkan supaya berhubung perkara-perkara mengenai melawan kebakaran dan juga mencegah kebakaran. Saya ingin bertanya kepada Kementerian, berapakah bilangan kes membakar dengan sengaja ataupun

pengkhianatan yang dikenalpasti oleh mereka setakat ini dan apakah telah diwujudkan skuad para medik untuk menjalankan kerja menyelamatkan dalam kes kecemasan terutamanya rawatan awal yang melibatkan kes melecur, terbakar dan sebagainya. Apakah tindakan tegas yang telah diambil kepada pemandu-pemandu yang enggan memberi laluan kepada kenderaan-kenderaan bomba kerana kita mendapat juga berita-berita yang kadang-kadang kenderaan-kenderaan bomba ini tidak mendapat laluan semasa mereka menjalankan tugas.

Untuk kes di mana kebakaran disebabkan oleh pemilik bangunan yang gagal mengikut arahan dan peraturan bomba, apakah tuntutan dibuat supaya kes berhubung dengan tenaga yang telah dicurahkan itu ditanggung oleh pihak pemilik bangunan. Berhubung dengan pencegah kebakaran, saya ingin bertanya berapa banyak dan sejauh manakah perancangan dibuat berhubung dengan kedet bomba, pasukan bomba sukarelawan terutamanya Briged Setia. Baru-baru ini saya mendengar berita bahawa Kementerian telah meminta supaya negeri-negeri dan kawasan-kawasan tertentu menubuhkan pasukan bomba sukarela yang dinamakan Briged Setia dan saya di antara orang-orang yang cepat menyambut arahan ini sebab kita memang bersama-sama untuk berkhidmat kepada orang ramai dengan secara praktikal. Kita telah menubuhkan platon-platon Briged Setia, tetapi saya ingin bertanya sejauh manakah sokongan yang diberikan oleh Kementerian kepada perkara ini. Apakah perkara ini mati begitu sahaja apabila berlaku pertukaran orang-orang yang terlibat. Kalau ia, adakah Kementerian bercadang untuk membayar gantirugi kepada mereka yang telahpun membeli pakaian dan juga telahpun mengadakan latihan dan sebagainya dan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi sedikit imbuhan ataupun latihan-latihan yang membolehkan mereka ini terus hidup yang mana pasukan ini sebenarnya telah dianjurkan oleh pihak Kementerian.

Jadi dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Timbalan Menteri, sila jawab.

5.20 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berkesempatan mengambil tempat untuk berbahas dalam membincangkan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di peringkat Jawatankuasa, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Ahli Yang Berhormat dari Arau. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang berminat untuk bersama-sama melibatkan diri dalam perbahasan ini yang tidak berkesempatan, saya bersedia berbincang dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk menyelesaikan perkara-perkara yang tidak dapat dibangkitkan di dalam perbahasan ini.

Tuan Pengerusi, beberapa perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya mengenai perumahan, mengenai Kerajaan Tempatan dan jua Bomba.

Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk menjawab secara menyeluruh terlebih dahulu sebelum saya pergi kepada jawapan yang terperinci. Yang pertama, mengenai perumahan. Semanganya menjadi hasrat Kerajaan untuk memberikan kemudahan perumahan untuk semua rakyat apatah lagi rakyat yang berpendapatan rendah. Maka dengan sebab itu Kerajaan telah mengadakan beberapa skim pinjaman perumahan untuk rumah kos rendah dan juga untuk skim pinjaman yang lain yang khusus untuk mereka yang tidak mampu, tidak layak untuk mendapat pinjaman

daripada institusi-institusi kewangan. Yang saya maksudkan ialah skim pinjaman perumahan untuk jumlah \$7,500 yang dikenakan faedah sebanyak 5 1/2%. Skim pinjaman ini ialah khusus untuk mereka yang tidak layak untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan swasta tetapi khusus untuk mereka ialah mereka mesti mengadakan tapak untuk pembinaan rumah tersebut dan tanah itu mestilah boleh dipajakkan kepada Kerajaan. Walaupun jumlah yang terlibat adalah kecil sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan Kota Melaka, sebenarnya permohonan yang diterima tidak banyak bahkan hampir keseluruhan daripada jumlah yang diterima telahpun diluluskan. Yang mana tidak diluluskan ialah kerana tidak mematuhi syarat-syarat yang diperlukan.

Bagi skim pertapakan, jumlah yang diperuntukkan untuk tahun 1991 ialah sebanyak \$6.9 juta dan jumlah ini akan ditambah di dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam yang bermula pada tahun 1991. Ini bermakna jumlah \$6.9 juta ini akan ditambah lebih daripada jumlah tersebut apabila dimasukkan jumlah dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Dari segi tumpuan kita kepada rumah-rumah yang terbengkalai, sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau, sebanyak 381 projek perumahan yang telah terbengkalai, dan setakat ini 104 projek telahpun berjaya dipulihkan dan 277 projek lagi yang sedang dikenalpasti dan diusahakan untuk dipulihkan. Sejumlah 19,478 unit rumah yang melibatkan 13,313 pembeli telahpun dipulihkan dan sejumlah 63,558 unit yang melibatkan 36,131 pembeli sedang dalam usaha pemulihan. Pihak Kementerian juga telah menyenaraihitamkan 24 buah syarikat pemaju perumahan dan 92 orang ahli Lembaga Pengarah disebabkan kerana projek-projek yang terbengkalai.

Selain daripada itu Kementerian juga telah mengambil tindakan mahkamah sebanyak 99 kes yang telah dikenalpasti oleh Kementerian dan dibawa ke mahkamah di mana 37 kes telahpun diputuskan oleh mahkamah dengan mengenakan denda ataupun penjara. Dari segi tindakan untuk menentukan supaya projek-projek di masa yang akan datang tidak lagi terbelang, maka di dalam pemberian lesen pemaju, penelitian telah dibuat dengan begitu rupa sehingga menyebabkan seolah-olah Kementerian cuba menentukan dengan begitu berhati-hati sekali sehinggakan latarbelakang setiap pemohon itu dibuat menyebabkan ada salah faham timbul tetapi ini adalah untuk menentukan supaya projek-projek yang hendak dimajukan itu terselamat.

Pihak Kementerian telah mewujudkan satu pasukan pengawasan iaitu setiap pemaju yang telah diberikan permit pemaju ataupun developer's license selepas 6 bulan pasukan petugas ini akan melawat projek-projek yang berkenaan untuk menentukan sama ada projek tersebut telah dimulakan ataupun sebaliknya. Sekiranya tidak, maka susulan akan dibuat, mengambil berat mengapa projek itu telah tidak dimulakan.

Selain daripada itu Kementerian juga telah menentukan supaya satu akaun pemaju perumahan diwujudkan dalam keadaan di mana jumlah-jumlah pembayaran yang dibuat oleh pembeli dimasukkan ke dalam satu akaun khusus untuk penggunaan memajukan projek yang berkenaan. Walau bagaimanapun akaun pemaju perumahan ini masih lagi dalam perbincangan kerana ada bantahan-bantahan daripada pihak Housing Developers' Association (HDA), dengan izin, dan kami pihak Kementerian masih lagi berbincang dengan pihak institusi kewangan, bank-bank dan juga Housing Developers Association supaya dapatlah pelaksanaan akaun pemaju perumahan ini

disegerakan dan dengan itu dapat menghasilkan kualiti pembangunan untuk masa yang akan datang.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Ahli dari Ipoh bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Mengenai akaun pemaju perumahan, apakah alasan-alasan bagi pihak pemaju untuk membangkangkan pelaksanaan akaun tersebut, apa alasan-alasan yang dikemukakan oleh mereka.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Mereka ada mempunyai alasan-alasan yang baik, yang perlu dipertimbangkan semula oleh Kementerian. Misalnya keadaan di mana kemungkinan bayaran yang dibuat itu agak terlalu ketat kesimpulan penentuan akaunnya menyebabkan ia tidak boleh digunakan untuk pembayaran-pembayaran yang tidak tertakluk di dalam takrif akaun tersebut. Oleh sebab itu kemungkinan kita memerlukan flexibility sedikit supaya dapat pembayaran itu dibuat untuk kira-kira yang mungkin boleh ditakrifkan sebagai akaun pemaju perumahan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, Kementerian juga sememangnya menyedari bahawasanya selain daripada menentukan wujudnya rumah-rumah yang lebih banyak untuk rakyat, kualiti perumahan juga dipertingkatkan. Oleh sebab itu kita ada sebuah Jawatankuasa untuk menentukan supaya harga rumah kos rendah dapat dikawal, di samping menentukan kualiti rumah juga terkawal dengan menggunakan bahan-bahan rumah yang baik dan juga dapat menentukan ianya tidak mengalami kerosakan dalam masa yang singkat. Jadi sebuah Jawatankuasa Penyelidikan telahpun wujud dan sedang membuat kajian yang diperlukan untuk matlamat ini.

Selain daripada perkara yang dibangkitkan mengenai perumahan, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada

juga menyarankan supaya kita mencontohi Kerajaan Singapura.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Singapura adalah tidak sebesar negara Malaysia. Malaysia adalah lebih besar berkali-kali ganda dengan Singapura jika dibandingkan luasnya. Selain daripada itu kemampuan untuk membeli rumah juga berbeza. Yang jelas di dalam pelaksanaan projek perumahan, Kerajaan Negeri adalah pihak yang berkuasa kerana merekalah yang mempunyai tanah-tanah yang boleh dimajukan, maka dengan sebab itu cepat dan lambatnya sesuatu projek perumahan itu berdasarkan kepada kemampuan wujudnya tanah-tanah untuk dibangunkan bagi tapak perumahan.

Dalam hal ini kita telahpun berunding dengan Kerajaan Negeri untuk menyarankan supaya mereka mendapatkan tapak-tapak perumahan untuk mereka menggunakan peluang peruntukan pinjaman skim perumahan yang telah kita wujudkan.

Dalam hal ini kita mengharapkan supaya mereka sentiasa dapat membina rumah-rumah yang sudah ditentukan harganya. Misalnya kalau di sebuah skim pertapakan yang semolek-moleknya rumah itu janganlah lebih daripada \$10,000, walaupun tidak boleh daripada \$10,000 jumlahnya tidaklah lebih besar daripada itu kerana tidak menyusahkan rakyat untuk membeli rumah-rumah yang berkenaan.

Mengenai kos rumah awam yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau sebanyak 16,636 unit rumah dijangka akan dapat dibina dalam tahun 1991, dan mungkin ianya akan ditambah dengan peruntukan Rancangan Malaysia Keenam.

Dari segi Kerajaan Tempatan, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tanggungjawab mengawasi Majlis

Daerah ialah tertakluk kepada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun saya telah mengambil perhatian perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Kebanyakan daripada hujah Yang Berhormat terkeluar daripada perbincangan kerana penyeliaan air ataupun menentukan kemudahan air diperolehi oleh penduduk-penduduk setempat ialah di bawah Jabatan Bekalan Air. Maka oleh sebab itu perbincangan Yang Berhormat yang begitu memuncak hanyalah satu sandiwara politik sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya tidak mahu bersandiwara dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya hendak bertanya mengenai Jabatan Perkhidmatan Bomba, apakah rancangan yang dibuat untuk membantu Jabatan Perkhidmatan Bomba Melaka menghadapi krisis sekarang ini supaya mereka dapat memerangi sebarang kebakaran yang berlaku. Terima kasih.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, pihak Bomba sentiasa bersedia kerana Logo Bomba selain daripada melawan kebakaran ialah juga mempunyai matlamat perkhidmatan iaitu menentukan supaya kebakaran itu dapat dicegah, 'prevention is better than cure', dengan izin, iaitu supaya menentukan tidak berlaku kebakaran. Jadi dalam hal ini pihak Bomba sentiasa membuat kajian di mana punca-punca kebakaran mungkin boleh berlaku dengan menentukan punca-punca air dan sebagainya. Dalam hal ini ada dalam maklumat Pasukan Bomba Negeri Melaka dan Bomba-bomba lain di mana kemungkinan punca-punca air boleh didapati seperti sungai-sungai, tasik-tasik dan sebagainya, bahkan di setiap lori Bomba juga ada

sebahagian kecil air untuk memadamkan api permulaan jika berlaku kebakaran. Walau bagaimanapun pihak Bomba ada pertalian dengan Bomba-bomba lain jika berlaku kebakaran, maka pertolongan cemas daripada Balai-balai Bomba yang berdekatan boleh diberikan untuk membantu kebakaran.

Tuan Pengerusi, Bomba memerlukan bantuan dan sokongan daripada semua pihak untuk melawan kebakaran kerana dalam keadaan kecemasan seperti sekarang ini ada juga panggilan-panggilan palsu kepada pihak Bomba. Diharapkan orang ramai tidak mengambil kesempatan untuk mempermainkan pihak Bomba dalam masa kecemasan sekarang ini. Selain daripada itu pihak swasta juga disarankan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak bertanya Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat boleh memberikan jaminan kalau sebarang kebakaran berlaku di negeri Melaka sekarang bahawa Jabatan Perkhidmatan Bomba Melaka masih boleh beroperasi seperti biasa iaitu 100% dan kalau tidak 100% berapakah tahapnya. Terima kasih.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, sekiranya berlaku kebakaran pihak Bomba bersedia untuk mencari punca-punca air yang ada seperti tasik dan sungai, tetapi kalau air sudah tidak ada cara lain ialah untuk mendapat bantuan daripada tempat-tempat yang jauh sedikit ataupun lebih jauh daripada itu. Tetapi dalam keadaan kemarau sekarang di mana air tidak ada, hujan tidak turun, saya ingat tidak ada lain yang boleh dapat dilakukan melainkan punca-punca yang saya sebutkan tadi. Itu sahaja.

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Sungai Besi.

Tuan Tan Kok Wai: Penjelasan juga. Tuan Pengerusi, memandangkan kepada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, nampaknya senang sahaja untuk mengatasi masalah sungguhpun dalam keadaan yang luar biasa ini.

Rakan saya dari Kota Melaka ada mengatakan dalam keadaan bencana kemarau sekarang, apakah tindakan kecemasan yang diambil untuk mengatasi sebarang kejadian kebakaran, sebab ada tempat-tempat pada masa biasa selalu kita dapat aduan daripada mangsa-mangsa kebakaran bahawa bekalan air adalah kekurangan. Ini adalah pada masa biasa di mana bekalan air adalah mencukupi, tetapi sekarang nampaknya keadaan di Melaka adalah luar biasa kerana bencana kemarau yang amat serius sekali. Bagaimanakah masalah ini boleh diatasi tanpa bekalan air? Kebakaran tidak boleh dipadamkan kalau bergantung kepada punca air di tempat jauh dan jarak yang jauh? "Yun sui bu nen ko chiew jun fo", dalam bahasa China. Minta penjelasan, bagaimana boleh atasi masalah yang macam ini?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Sungai Besi berpendapat mungkin ada kebakaran boleh berlaku, saranan saya, apabila sudah kita ketahui bahawa air terlalu sukar untuk kita dapati, maka saya sarankan supaya setiap orang berhati-hati, prevention is better than cure, dengan izin. Selain daripada itu seperti mana saya katakan, pihak bomba telahpun menyediakan contingency plan iaitu untuk mendapatkan bantuan daripada balai-balai bomba yang berhampiran di tempat-tempat lain. Selain daripada itu seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Kerajaan Negeri Melaka sedang berbincang dengan Kerajaan Negeri

Sembilan untuk mendapatkan bantuan air. Jadi tidak ada cara lain, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat ada magic wand, tidak tahulah. (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Kota Melaka lagi. Saya ingat Yang Berhormat cukuplah.

Timbalan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Selain daripada itu pihak bomba juga mengharapkan daripada pihak-pihak badan insurans yang lain untuk membantu menentukan supaya kecemasan bomba ini dapat diwujudkan dan kerana pihak bomba merancang untuk mewujudkan satu maklumat centre di mana boleh dapat disatukan segala maklumat. Dengan itu segala persediaan untuk melawan kebakaran boleh diwujudkan, iaitu dengan mengetahui setiap history ataupun latar belakang tempat-tempat dan juga bangunan-bangunan yang mana punca-punca kebakaran boleh berlaku dengan mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk menentukan kebakaran tidak mungkin berlaku. Perkara-perkara ini perlu diwujudkan satu information system yang baik. Dengan itu dapatlah pihak bomba meningkatkan prestasi untuk menentukan tidak ada kebakaran.

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Mertajam bangun.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, tiada masa lagi.

Tuan Chian Heng Kai: Prevention is better than cure.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak bagikah atau tidak?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tidak payahlah, tidak ada masa lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak bagi. Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Saya ada tiga empat perkara lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Biar dia teruskan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, selain dari itu mengenai Briged Setia, sememangnya pihak bomba.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada orang minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Kali terakhir.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tidak payahlah.

Tuan Lim Guan Eng: Ini perkara penting, hal bomba, sekali lagi. Kali terakhir.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Barangkali jawapan saya ini akan menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: Mengenai hak-hak kecemasan, satu sahaja.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tidak apalah, Yang Berhormat Pengerusi.

Tuan Lim Guan Eng: Harus bertimbangrasi atas penderitaan rakyat Melaka.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Saya sudah bagi banyak kali.

Tuan Lim Guan Eng: Kali terakhir.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tidak payahlah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak bagi.

Tuan Lim Guan Eng: Ini brigid Bomba punya hal. . . .

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tidak apalah, biar saya teruskan.

Tuan Pengerusi, Brigid Setia ini memang. . . .

Tuan Lim Guan Eng: Minta datang melawat Melaka untuk mengetahui keadaan bagaimana serius. Saya minta supaya dia datang ke Melaka.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sebelum dapat keizinan janganlah berucap. Ini berkali-kali berlaku di sini.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, mengenai Brigid Setia ini, kita memang merancang supaya ia diperluaskan kerana Brigid Setia ini ialah satu-satunya cara bagaimana penglibatan orang ramai boleh wujud untuk membantu pihak bomba melawan kebakaran. Kita alu-alukan pihak-pihak swasta, misalnya kilang-kilang ataupun taman-taman perumahan untuk mewujudkan Brigid Setia ini. Kerajaan menyarankan supaya Brigid Setia ini diwujudkan kerana selain daripada membantu melawan kebakaran ianya juga boleh merapatkan lagi perhubungan di antara penduduk-penduduk setempat dengan begitu rupa bolehlah menjalinkan persahabatan dan integrasi kaum yang perlu diwujudkan dalam negara kita sekarang.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh mengenai perlantikan ahli Majlis Daerah. Bahawasanya perlantikan ahli Majlis Daerah itu dilantik oleh Kerajaan yang menang dalam pilihanraya. Kalau Kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya itu tidak diiktiraf, maka kita tidak mengiktiraf demokrasi. Maka oleh sebab Kerajaan yang memenangi pilihanraya di peringkat

Pusat dan Negeri itu dipilih oleh rakyat dan memandangkan Majlis-majlis Daerah adalah di dalam kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri perlu menentukan perjalanan dan pelancaran pentadbirannya, maka pihak Kerajaan Negeri mahu bertanggungjawab dan oleh sebab itu memilih mereka yang terdiri daripada orang-orang yang dipercayai oleh Kerajaan yang menang dalam pilihanraya yang berkenaan untuk mewakili mereka dan mentadbirkannya.

Dalam kriteria pemilihan ahli-ahli Majlis Daerah, ianya bukan sahaja terdiri daripada ahli parti yang menang tetapi terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan. Di samping itu pemilihan juga terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang profesional yang berbeza-beza, terdiri daripada Ahli-ahli arkitek, engineer dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang bahawasanya terlalu ramai daripada pihak Kerajaan yang terdiri daripada ahli profesional yang layak untuk menjadi Ahli Majlis Daerah. Adalah tidak benar mereka yang kalah dalam pilihanraya sahaja yang dipilih untuk menjadi ahli Majlis Daerah. Sebaliknya, kebanyakan ahli Majlis Daerah terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang yang boleh memberi sumbangan besar terhadap pembangunan Majlis Daerah. Sebab itulah, Tuan Pengerusi, Majlis-majlis Daerah sekarang berjalan dengan baik jika dibandingkan di masa-masa yang lalu dan janji Kerajaan ialah untuk menentukan pentadbiran Majlis Daerah akan berjalan dengan lebih lancar dan baik lagi di masa-masa akan datang. Sebab itulah Kerajaan melancarkan pelan struktur di mana setakat ini 22 Majlis Perbandaran telahpun meluluskannya di mana penentuan pembangunan Kerajaan Tempatan dan Majlis Daerah berdasarkan kepada perancangan yang cukup rapi dan tersusun.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama melibatkan diri dalam perbahasan ini dan saya percaya ada juga perkara yang tidak dapat saya sentuh dalam jawapan saya dan saya berjanji akan mengambil perhatian kepada perkara-perkara yang tidak saya jawab dalam saya menggulung sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$54,565,000 untuk Maksud B. 14; \$10,460,800 untuk Maksud B. 15 dan \$81,587,800 untuk Maksud B. 16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$54,565,000 untuk Maksud B. 14; \$10,460,800 untuk Maksud B. 15 dan \$81,587,800 untuk Maksud B. 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$101,534,050 untuk Maksud P. 14 dan \$8,120,800 yang disebutkan untuk Maksud P. 16 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$101,534,050 untuk Maksud P. 14 dan \$8,120,800 untuk Maksud P. 16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Maksud B. 17 (Jadual) —

Maksud P. 17 (Anggaran Pembangunan 1991) —

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B. 17 dan Kepala Pembangunan P. 17 di bawah

Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Kota Bharu.

5.50 ptg.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak (Kota Bharu): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B. 17, Butiran 020000 Kod 2000. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Mukasurat?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Mukasurat 63.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, diperingatkan bahawa oleh kerana kita menghadapi kesempitan masa maka saya terpaksa menghadkan masa kepada 10 minit untuk setiap orang yang berbahas nanti.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Terima kasih, saya cuba.

Tuan Pengerusi, di dalam hal ini sebenarnya kalau kita melihatkan kepada angka yang telah dianggarkan iaitu \$9,362,600 mungkin jumlah ini bolehlah dikatakan munasabah untuk membangunkan belia, tetapi anggapan ini akan meleset jika didapati masalah-masalah belia masih tidak diberikan perhatian oleh pihak Kementerian seperti masalah masih ramai belia terperangkap dengan dadah, masih ramai belia yang tiada arah kehidupan dan masih ramai belia yang tidak peka dengan keadaan sekeliling. Umpamanya kita melihat sekarang ini tak sampai dua hari lagi kita akan mungkin menghadapi satu peperangan dunia berpunca di kawasan Teluk tetapi boleh merebak. Tetapi masih terdapat pihak golongan belia yang seolah-olah tidak mengetahui perkara ini boleh berlaku. Jadi kebimbangan ini seharusnya adalah satu kebimbangan kita bersama kerana diletak di bahu belialah untuk menjadi generasi yang akan mengambil kepimpinan negara kita. Pihak Kementerian seharusnya memberi sokongan kepada persatuan-persatuan

belia lebih dari apa yang telah diberikan sehingga kini kerana persatuan-persatuan belia telahpun membuktikan kejayaan mereka untuk menghindarkan belia-belia yang menjadi ahli-ahli dari terjerumus dalam perangkap dadah ataupun menjadi masalah sosial yang lain.

Dalam hal ini inginlah saya mengetahui berapa banyakkah ataupun mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan mengenai program-program yang akan dianjurkan oleh pihak Kementerian dan menyatakan sama ada beliau merasa puashati ataupun tidak dengan program itu demi untuk melahirkan masyarakat belia yang bersatupadu, berdisiplin, berakhlak tinggi dan bergerak maju dalam bidang ekonomi dan sosial sepertimana dinyatakan sebagai tujuan Kementerian itu pada mukasurat 357 Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1991. Jadi sejauh manakah Kementerian itu dapat memberi sokongan atau bantuan kewangan dan lain-lain sokongan kepada pertumbuhan-pertumbuhan belia bagi memastikan 2.5 juta belia akan berorganisasi sepertimana pernah dihasratkan oleh Kementerian itu pada tahun 1985 sempena Tahun Belia Antarabangsa.

Khususnya ingin saya mengetahui berapa banyakkah bantuan kewangan yang akan diberikan kepada Majlis Belia Malaysia untuk tahun 1991 kerana Majlis Belia Malaysia merupai badan teragung dalam gerakan belia tanahair kerana ia merupakan payung kepada lebih 1.8 juta belia. Pada tahun-tahun yang sudah biasanya satu peruntukan yang terlalu kecil diberikan, kurang daripada \$100,000, ada juga hanya memberikan \$60,000 sahaja untuk setahun dan ini tentulah tidak memadai bagi satu badan yang telah menunjukkan kemampuan melahirkan begitu ramai pimpinan negara. Badan ini juga adalah satu badan yang telah dapat meletakkan lebih kurang 33 badan belia dan persatuan belia di bawah payungnya.

Maka saya berharap Kementerian ini akan memberi satu peruntukan lebih daripada \$100,000 kepada Majlis Belia Malaysia ini.

Saya ingin juga mengetahui apakah Kementerian sudah berpuas hati dengan jumlah belia yang diberi kursus-kursus kepimpinan. Bukankah lebih baik pihak Kementerian menambah program kepimpinan dari 150 kepada angka dua atau tiga kali ganda dan melibatkan 10,000 belia dan bukan kurang daripada 4,000 yang dijangkakan untuk tahun 1991 akan menjadi peserta kepada program kepimpinan.

Saya merujuk kepada mukasurat 361 Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1991. Saya memilih program kepimpinan ini untuk diberi atau dicadangkan kepada Kementerian supaya memberi tumpuan lebih kerana kepimpinan adalah satu bidang yang dapat membekalkan kepada belia-belia kita sifat-sifat kepimpinan dan boleh bersama-sama bukan sahaja Kementerian, iaitu bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin boleh ramai lagi belia dihindarkan dari menjadi masalah sosial dan mereka akan mampu memberi penelitian ataupun lebih peka kepada keadaan sekeliling mereka. Dengan lebih ramai belia terlibat di dalam kursus kepimpinan, maka lebih banyak lagi persatuan-persatuan belia akan dapat bergerak aktif. Sekarang ini kita seolah-olah merasai kelembapan di kalangan gerakan belia.

Menyentuh juga berkenaan dengan penyertaan belia di dalam program kepimpinan ini, saya inginlah mencadangkan supaya pengagihan peserta ini di kalangan wanita dan lelaki diberi tumpuan, iaitu sekiranya dipersetujui 10,000 itu sebagai satu angka yang lebih munasabah, maka diberilah peruntukan 50-50 antara wanita dengan lelaki.

Beralih pula kepada aktiviti pembangunan ekonomi belia, saya

berpendapat kursus dorongan dan kursus kemahiran dan membina usahawan sangat berguna untuk golongan belia yang sedang berikhtiar untuk berdikari. Oleh itu adalah dicadangkan bilangan projek 40 bagi kursus dorongan perniagaan dan pertanian dan bilangan projek 30 bagi kursus melahir dan membina usahawan yang dianggarkan bagi tahun 1991 hendaklah ditambahkan dan

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ada dua minit lagi untuk menggulung.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: . . . hendaklah ditambahkan bilangannya supaya dia lebih munasabah kerana bilangan peserta yang telah dianggarkan, ini terdapat pada mukasurat 360 buku yang telah saya sebutkan tadi, kurang daripada 2,000 belia, tak munasabah kalau kita serius untuk menarik lebih ramai belia untuk menjadi usahawan supaya mereka boleh berdikari dan untuk mereka tidak segan dengan menceburi diri dalam bidang pertanian, maka angka melebihi 10,000 itu adalah satu angka yang lebih munasabah untuk dianggarkan oleh pihak Kementerian. Maka saya inginlah mencadangkan supaya pihak Kementerian mengusahakan ataupun mengadakan lebih banyak lagi projek yang melibatkan tidak kurang daripada 10,000 belia seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Shah Alam.

5.59 ptg.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap (Shah Alam): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.17 berkaitan dengan Butiran 010000, 020000 dan 030000 Peruntukan Mengurus, dalam Kertas Perintah 19.

Pertama, Butiran 010000 Pentadbiran, dalam Kertas Perintah 20, mukasurat 357 menunjukkan

Peruntukan Mengurus bagi tujuan pentadbiran ialah \$15,999,900 berkurangan \$357,100 dari peruntukan pada tahun 1990. Memandangkan golongan belia adalah sebahagian daripada aset negara yang sangat berharga, maka golongan ini sentiasa menjadi sasaran kepada golongan manusia yang mempunyai kepentingan diri dengan mengeksploitasikan atau mengeksploitkan golongan belia kepada berbagai gejala yang tidak diingini seperti masalah penagihan dadah yang mengikut laporan masih terdapat 5,000 ke 6,000 orang penagih baru ataupun first timer bagi setiap tahun dan berbagai lagi gejala buruk yang tidak diingini terus berlaku.

Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah memperbanyakkan aktiviti-aktiviti program belia di peringkat daerah, juga agar program belia dapat digiatkan dengan mendapat penglibatan dari lebih ramai bilangan para belia. Bagi menjayakan program serta projek belia yang lebih licin dan berkesan terutama bagi kumpulan sasaran di akar umbi, saya ingin mencadangkan supaya pegawai belia di peringkat daerah dapat ditambah. Hampir 10 tahun telah berlalu kita terdapat bahawa di peringkat daerah hanya seorang Pegawai Belia Daerah dan seorang kerani sahaja. Jadi, kalau pegawai terpaksa turun ke padang, kerani pula ada tugas di luar, maka pejabat bertulis 'Pegawai tidak ada', maka ditutuplah pejabat di peringkat daerah.

Jadi, saya ingin mencadangkan, sudah agak terlalu lewat, agak terlambat juga supaya disegerakan menambah sekurang-kurangnya dua orang lagi pegawai di peringkat daerah, iaitu Pegawai Belia Daerah yang ada sekarang menguruskan hal pentadbiran dan dua orang lagi ialah Penolong Pegawai Belia dan Penolong Pegawai Sukan untuk mentadbirkan pembahagian-pembahagian tugas mengikut tanggungjawab yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Belia.

Bagi mencapai matlamat untuk melaksanakan dasar "Sukan Untuk Semua" dan "Malaysia Cergas" dan juga ke arah mencapai objektif perpaduan, peningkatan kualiti hidup dengan pembentukan keperibadian bangsa, sesuai dengan pemupukan nilai-nilai dan norma yang dicita-citakan oleh Kerajaan dan masyarakat negara ini, maka tambahan tenaga pekerja di peringkat daerah perlulah disegerakan. Walaupun Menteri Belia adalah seorang yang muda dan dinamik, tetapi tanpa tenaga yang cukup di peringkat akar umbi, saya yakin tidak akan tercapai hasrat Kerajaan dan juga kerja-kerja yang diharap-harapkan tidak dapat pertemuannya pelaksanaan ketahap yang boleh dibayangkan.

Saya ingin menyentuh Butiran 020000. Di Negeri Selangor sehingga hari ini jumlah keahlian belia yang berdaftar ialah 133,097 orang. Jumlah yang dapat mengikuti kursus dan latihan Unit Ekonomi 1990 hanya 252 orang. Ini adalah peratusan yang sangat kecil. Dan juga kursus Unit Perpaduan Belia pada 1990 ialah 80 orang sahaja. Mengikut Kertas Perintah 20, muka surat 360, begitu juga terdapat bilangan projek dan bilangan peserta bagi melahirkan dan membina usahawan hanya 30 projek, iaitu bilangan peserta 750 orang. Saya rasa ini adalah satu bilangan yang kecil untuk mempertingkatkan ekonomi di kalangan tenaga belia dan juga selain daripada belia hanya dapat mengikuti dan menyertai kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan dan agensi-agensi lain seperti KEMAS, FAMA, LPP dan lain-lain. Untuk melahirkan satu masyarakat belia yang berkemahiran supaya dapat memberi sumbangan dan juga kegiatan-kegiatan yang berfaedah, maka saya harap program aktiviti belia dapat diperbanyak dan diperluaskan penyertaannya.

Begitu juga mengenai Program Anti Dadah yang mencatatkan anggaran projek hanya 14 projek, penyertaan 420, dalam Kertas Perintah 20 mukasurat 361. Saya rasa program ini juga harus

diperbanyakkan untuk memerangi dadah. Menyentuh Butiran Projek P. 17 Butiran 00100 iaitu Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Pertak, saya ingin ucapkan terima kasih kerana peruntukan bagi 01 sebanyak \$3,440,000 dan 02 sebanyak \$1,000,000. Diharapkan pembangunan untuk menaikkan taraf kedua-dua pusat iaitu di Dusun Tua dan Pertak dapat dipercepatkan agar aktiviti-aktiviti dapat dijalankan dengan lebih berkesan semoga melalui strategi untuk membantu perjalanan persatuan dapat dijalankan dengan secara lebih koprehensif. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Arau.

6.04 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan 17, Kementerian Belia; Program Pentadbiran, Belia dan Sukan, saya ingin secara keseluruhannya menyatakan di sini bahawa Kementerian ini telah berjaya dengan begitu cemerlang dalam program sukannya, tetapi masih ada ruang dan luang untuk diperbaiki dalam aktiviti belia. Kalau yang hendak jawab nanti ialah Setiausaha Parlimen, dia janganlah kecil hati, sebab dia baru mengambil tugas. Jadi, saya ingat dia akan bersetuju dengan saya, tentang cadangan membina sukan cemerlang. Saya ingat semua rakyat Malaysia berbangga dengan Kementerian ini yang telah menaik dan mengharumkan nama Malaysia dan Kerajaan Barisan Nasional dengan aktiviti sukannya yang cukup dibanggakan sehinggakan DAP, PAS dan S.46 semua setuju. Ini satu kebanggaan yang patut dipuji. Tetapi ada sedikit ruang-ruang yang perlu diperbaiki dalam aktiviti belia.

Malah dahulu, Tuan Pengerusi, saya sudah cadangkan supaya kalau boleh, aktiviti belia ini ditubuhkan satu Kementerian baru supaya sukan ini diberi perhatian sukan sahaja dan belia

ini yang mana sekarang ini kita ketahui 50% daripada rakyat terdiri daripada belia. Maka adalah sampai masanya perhatian yang serius diberikan kepada aktiviti belia. Kalau dilihat dari segi peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini secara keseluruhannya ialah \$121 juta dan kita lihat dari segi Pentadbiran kita ada \$15 juta; Belia, programnya \$21 juta. Sukan, \$3 juta dan sebagainya. Angka ini memang tidak jelas, tetapi ini adalah dari segi pentadbiran di peringkat Kementerian. Tetapi walau bagaimanapun, di peringkat Kementerian, angka ini amat mengharukan bagi Kementerian yang telah mengharumkan nama sukan negara. Jadi, saya ingin bertanya, apakah yang telah dibuat oleh pihak pegawai-pegawai dan juga Yang Berhormat untuk memastikan supaya kita mendapat peruntukan yang lebih? Kita akan menyokong di sini, tidak pernahpun kita tidak sokong. Tetapi buatlah sesuatu supaya pihak EPU dan juga mana-mana pihak yang bertanggungjawab untuk meluluskan peruntukan supaya dapat memberi peruntukan yang lebih.

Saya ingin mencadangkan di bawah Program Pentadbiran supaya diluaskan program latihan seperti group dinamik yang meliputi semua sekali belia-belia di peringkat kampung. Dan juga kita minta supaya memastikan pembangunan belia supaya mereka dapat lebih memberi perhatian kepada ekonomi dan juga termasuk dalam usaha kita untuk memberi perhatian lebih kepada program 'Bina Insan'. Apakah boleh program Bina Insan yang sekarang ini dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri digembelinkan tenaganya dengan belia untuk membolehkan kita menarik perhatian belia-belia ini melatih mereka supaya tidak terlibat dengan perkara-perkara yang telah disebutkan oleh sahabat baik saya dari Shah Alam tadi iaitu dalam aktiviti dadah dan sebagainya.

Kemudian kita juga mencadangkan, walaupun kita sendiri terdapat lebih masalah dari segi peruntukan iaitu

cadangan membina stadium, gelanggang budaya, kompleks sukan dan lain-lain lagi supaya ianya ditambah sehingga ke peringkat-peringkat sub-district ataupun mukim-mukim, kalau boleh. Kerana kita lihat dari satu daerah ada satu kompleks sukan maka ianya tidak dapat menampung. Dan dalam keadaan tertentu kita lihat cuma kumpulan-kumpulan tertentu sahaja yang dapat berlatih di tempat yang berkenaan. Sekarang ini, kita tambahkan sehingga ke peringkat mukim-mukim ataupun ke peringkat kampung. Ini ialah cadangan saya mengenai program latihan.

Berhubung dengan program belia, saya ingin mencadangkan supaya program dakwah dan kepimpinan Islam dikaji semula supaya ianya lebih berkesan dan menarik golongan belia. Saya ingin mencadangkan juga supaya sasarkan kepada kumpulan society drop-outs, dengan izin, dan juga Mat Rock dan lagi satu istilah yang saya tidak mahu sebutkan. Tetapi Mat Rock dan juga lain-lain perkara yang berkaitan yang sekiranya tidak dikawalakan merupakan elemen perosak bangsa.

Berhubung dengan latihan dan bimbingan serta pembangunan ekonomi ini telah disebutkan berkali-kali bahawa kadang-kadangnya usaha kita untuk memberi projek ataupun program kepada belia tani dan belia niaga, kita lebih menumpukan kepada perkara-perkara yang berbentuk publisiti. Sepatutnya, belia-belia ini digembelinkan dengan orang-orang yang sudah pandai berniaga. Apakah boleh mereka ini dimasukkan di bawah Dewan-dewan Perniagaan ataupun mana-mana pertubuhan perniagaan yang bolehkan mereka masuk ke dalam pasaran yang diterima bersama.

Kalau sekiranya Kementerian ini cuma hendak melibatkan belia dengan bela ayam, bela itik bertelor - telor asin, tak apalah. Jadi, kita menggalakkan bela ini membela itik dan mendapatkan telor itik. Tetapi kita tidak memberi khidmat sokongan kepada mereka ini bagaimana untuk menjual telor-telor asin atau telor

itik ini. Sebagai contoh, kalau kita tidak menggembelingkan mereka dengan pasaran yang ada. Mereka harus dikawankan, dimasukkan dalam kumpulan ahli-ahli perniagaan sekarang. Demikian juga, tanaman sayur untuk belia tani. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ada dua minit lagi untuk menggulung dan selepas itu Menteri yang berkenaan akan diminta untuk menjawab. Sila gulungkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak apalah, macam mana hendak buat. Jadi, saya minta supaya mereka ini digembelingkan dengan tenaga usahawan yang ada sekarang. Benarkan projek ini diadakan joint-venture ataupun usahasama dan kita elakkan daripada memberikan kepada pertubuhan belia dengan harapan supaya pertubuhan belia ini memberi sokongan kepadanya. Kalau betul-betul, kita hendak galakkan belia peniaga, belia bertani, masukkan mereka dalam kumpulan petani, masukkan mereka dalam kumpulan berniaga, insya Allah, mereka ini akan berjaya. Tetapi kalau kita asingkan, projek belia orang lain tidak boleh kacau, ini projek belia petani sahaja—lain orang tidak boleh kacau. Rosak kita dan kawan-kawan kami dalam Dewan-dewan Perniagaan hendak beri bantuan tetapi takut kalau kita campur tangan, nanti kita dikatakan cuba hendak ganggu pentadbiran, termasuklah program siswazah menganggur dan sebagainya.

Kalau dibagikan secara berasingan, mereka tidak boleh berjaya, Tuan Pengerusi. Mereka kena masuk kumpulan yang berniaga walaupun peniaga itu ada orang DAP, kita tidak pedulikan. Yang penting, kita hendak berniaga, hendak menjaminkan supaya mereka ini berjaya. Kita tidak boleh asingkan program ini.

Jadi, saya mencadangkan supaya latihan yang bercorak *insitu*, seperti kita lihat anak-anak kawan kita yang

mengajar anaknya untuk menjadi foreman memperbaiki kereta, dihantar kedai-kedai yang berkenaan. Kita pun tumpang hantar bersama. Jangan buat program yang berasingan. Kita latih di tempat yang berasingan sehingga apabila dia masuk dalam pasaran, dia sudah terangga-angga seperti yang dibuat oleh MARA saya cukup kagum iaitu penampal-penampal kasut. IKM arahkan budak-budak ini supaya pergi ke tepi-tepi jalan, ke kaki lima supaya berlatih disamping berniaga. Jadi, bila mereka sudah lulus, mereka tidak takut untuk berniaga. Jadi dengan itu, Tuan Pengerusi, saya pohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

6.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian berbahas, memberi pandangan serta teguran kepada Kementerian Belia dan Sukan dan izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat dari Kota Bharu, beliau pun tidak ada di Dewan ini, menyentuh mengenai belia, kepimpinan dan juga ekonomi. Beliau menyebut dari segi belia kita yang terlibat dalam kegiatan dadah. Sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat dari Kota Bharu yang tidak ada, bahawa masalah dadah ini bukanlah semata-mata terletak kepada Kementerian Belia dan Sukan sahaja. Namun demikian, Kementerian Belia dan Sukan memang sedar akan masalah ini dan kita sendiri pun mengadakan program sendiri mengenai masalah dadah di kalangan belia, misalnya izinkan saya memberi perangkaan yang ada pada saya iaitu pada tahun 1989, pihak Kementerian

telahpun mengadakan 5 program anti-dadah yang melibatkan 320 orang peserta. Pada tahun 1990, kita telahpun mengadakan 9 program anti-dadah, melibatkan peserta sebanyak 330 orang. Pada tahun 1991, kita bercadang untuk mengadakan 14 projek ataupun program anti-dadah yang akan melibatkan peserta sebanyak 420 orang belia.

Saya tidak faham kenapa Yang Berhormat dari Kota Bharu tidak semena-mena membangkitkan masalah Perang Teluk kepada program belia di Kementerian saya. Mungkin Yang Berhormat maksudkan supaya belia kita peka kepada perkara-perkara yang berlaku di peringkat arena antarabangsa. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di Kementerian saya pun memang ada Bahagian Antarabangsa yang mengendalikan hal ehwal antarabangsa. Janganlah bimbang, saya percaya belia-belia di seluruh Malaysia pada hari ini memang sedar bahawa kemungkinannya berlaku Perang Teluk pada besok hari. Tetapi walau bagaimanapun, Kementerian berdoa semoga perkara yang tidak diinginkan itu tidak akan berlaku dan saya percaya seluruh belia di negara kita ini tidak ingin Perang Teluk akan berlaku.

Yang Berhormat dari Kota Bharu juga bertanya sama ada Kementerian saya berpuas hati ataupun tidak dengan program-program belia yang dijalankan setakat ini. Jawabnya tidak ada orang yang berpuas hati. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan terus berusaha untuk merangka program-program semoga mereka dapat dimanfaatkan dengan secara maksima bukan sahaja belia tetapi juga kepada rakyat negara ini pada keseluruhannya.

Mengenai bantuan kepada Majlis Belia Malaysia, sukacita saya memaklumkan bahawa bantuan pentadbiran bagi tahun 1991 sebanyak \$60,000 tetapi selain dari itu Kementerian juga memberi bantuan projek dan juga aktiviti bagi menampung perbelanjaan kegiatan yang dikelolakan oleh Majlis Belia Malaysia.

Untuk makluman, bagi tahun 1990, Kementerian telah membantu Majlis Belia Malaysia lebih daripada \$600,000 bagi mengendalikan projek dan kegiatannya dan bagi tahun 1991 akan lebih dari jumlah ini. Jadi, janganlah Yang Berhormat dari Kota Bharu bimbang bahawa kita akan sentiasa memberi perhatian dari masa ke semasa kepada program Majlis Belia Malaysia.

Cuma yang saya agak terkilan sedikit, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kota Bharu seolah-olah dia menggalakkan belia di negara kita ini menadahkan tangan mendapat bantuan ataupun mengamalkan dole mentality. Inilah yang menjadi masalah. Kalau boleh, kita hendaklah menggalakkan belia-belia kita, terutama sekali belia-belia yang sedang masih di peringkat remaja supaya kita latih mereka berdikari bukannya mengharapkan bantuan daripada orang lain. Saya berharap kepada Yang Berhormat dari Kota Bharu, marilah kita bersama-sama bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan supaya melatih belia kita bukanlah mengharap bantuan semata-mata tetapi biar mengamalkan konsep berdikari.

Mengenai kepimpinan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu, nampaknya beliau juga tidak berpuas hati. Kementerian juga tidak berpuas hati. Yang sebenarnya kita sedar untuk menjadi pemimpin biar pemimpin itu menyelesaikan masalah bukannya menimbulkan masalah. Yang menjadi masalah di negara kita pada hari ini mengenai kepimpinan belia ialah masalah kepimpinan Belia 4B masih lagi belum dapat diselesaikan. Jadi, saya berharap supaya pihak Belia 4B akan dapat menyelesaikan masalah mereka dari segi kepimpinan supaya masalah kelembapan gerakan belia sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu itu dapat kita atasi dengan segera.

Layanan kepada wanita dan lelaki supaya sama banyak, ini kita akan ambil perhatian. Yang Berhormat dari Kota

Bharu menyebut juga masalah ekonomi belia, kemahiran dan juga keusahawanan. Beliau meminta supaya Kementerian saya menambahkan lagi projek-projek dan juga program. Insya Allah kita akan mengkaji permohonan beliau itu.

Yang Berhormat dari Shah Alam, saya ucapkan terima kasih di atas pandangan dan minat beliau kepada Kementerian Belia dan Sukan. Beliau meminta supaya program belia di peringkat daerah diperbanyakkan lagi. Insya Allah kita akan mengambil perhatian dan kita akan kaji dengan kemampuan peruntukan yang ada di Kementerian Belia dan Sukan. Beliau juga mencadangkan supaya pegawai belia di peringkat daerah ditambahkan lagi sekurang-kurangnya dua orang, seorang menjaga Bahagian Sukan dan seorang lagi menjaga Bahagian Belia—satu cadangan yang baik. Walau macam mana pun, untuk makluman Yang Berhormat, saya maklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri telahpun mengarahkan pihak Kementerian supaya kita menyusun semula Bahagian Belia dan pihak pegawai Kementerian Belia dan Sukan sedang merancang untuk menyusun semula. Kita akan mengubahsuai struktur organisasi di peringkat Bahagian Belia di Kementerian Belia dan Sukan dan kita akan bincang perkara ini dengan pihak JPA supaya kita akan dapat menambahkan lagi kakitangan di peringkat Kementerian. Saya percaya apabila di peringkat Kementerian kita akan mendapat tambah kakitangan, di peringkat negeri dan juga daerah akan mendapat tambah yang serupa. Walau macam mana pun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sementara ini kita ada rancangan untuk menempatkan suka-relawan belia di peringkat daerah untuk membantu kekurangan tenaga belia di peringkat daerah Yang Berhormat sebutkan tadi.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya kursus-kursus sama ada kursus pentadbiran, kursus keusahawanan dan kemahiran di peringkat Persatuan Belia

hendaklah ditambah jumlah pesertanya. Insya Allah pihak Kementerian saya boleh kaji dari masa ke semasa apabila sampai masa dan ketikanya. Yang Berhormat juga menyebut masalah dadah, tadi saya telahpun menerangkan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian.

Masalah Dusun Tua dan Pertak, Yang Berhormat mencadangkan supaya kita memantapkan lagi kemampuannya. Insya Allah kita sedang mengkaji semula kedudukan keseluruhan Pusat Latihan Belia di negara kita ini dengan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan sebanyak \$100 juta untuk bukan sahaja memantapkan lagi tetapi mungkin kita mengkaji kurikulum yang ada di Pusat Latihan Belia di seluruh negara supaya kita dapat mengeluarkan pelatih-pelatih sesuai dengan kehendak pembangunan negara pada hari ini.

Kepada Yang Berhormat dari Arau saya ucapkan terima kasih kerana memberi pujian kepada Kementerian saya sebentar tadi. Beliau memang berpuas hati dengan prestasi sukan yang dicapai oleh negara kita melalui program yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Walau macam mana pun beliau menyatakan ada ruang-ruang untuk diperbaiki. Insya Allah kita akan sentiasa mengkaji dari masa ke semasa melalui sukan untuk semua dan sukan berprestasi tinggi untuk mencari ruang-ruang yang boleh kita perbaiki. Insya Allah dengan sokongan Yang Berhormat yang berterusan, saya percaya matlamat yang dikehendaki itu akan tercapai.

Dari segi peruntukan sukan, untuk makluman Yang Berhormat kita memang berusaha dari masa ke semasa untuk menambahkan peruntukan sukan dan. . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak berucap sedikit sebelum ini tetapi malangnya tidak ada masa. Walau bagaimana pun bolehkah Yang Berhormat menerangkan dasar ataupun pendirian Kementeriannya mengenai sistem sukan sekarang. Walaupun ada yang baik misalnya di badminton kita pun ada mencapai satu tahap antarabangsa terutamanya di dalam beregu badminton dan juga di dalam pemain perseorangan di sepak takraw dan juga di tae-kwan-do dan sebagainya yang menunjukkan ada gejala yang baiknya, tetapi mengenai kelemahan-kelemahan itu adakah satu dasar yang tetap dan pendirian yang tegas mengenai sistem sekarang dengan semi-pro yang menggajikan orang-orang daripada luar untuk menyertai pasukan-pasukan negeri kita dan juga memberi galakan-galakan yang tertentu termasuk biasiswa dan sebagainya. Adakah pihak Kementerian berhajat untuk meneliti dan mengkaji semula sistem yang ada sekarang kerana saya nampak ada kelemahan yang timbul dari masa ke semasa.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, kita sentiasa menggalakkan usaha-usaha dari mana-mana pihak yang bertujuan untuk menambah lebih prestasi sukan kita di negara kita ini.

Mengenai Program Bina Insan sukacita saya memaklumkan Yang Berhormat dari Arau bahawa kita akan memperbanyakkan lagi Kem Bina Belia Negara. Kalau boleh kita memang bercadang supaya tiap-tiap negeri kita akan binakan Kem Bina Negara kecuali Perlis, negeri Yang Berhormat, kita tidak masukkan sementara ini. Kita cuba hendak gabungkan Perlis dengan Kedah.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Dato' Ismail bin Said: Tidak ada masa, Yang Berhormat, kita boleh bincang di luar Dewan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, telahpun diumumkan akan dibina Kem Bina Insan di Perlis.

Dato' Ismail bin Said: Saya rasa sementara ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sudah diumumkan.

Dato' Ismail bin Said: Berkenaan kemudahan sukan di peringkat mukim, untuk makluman Yang Berhormat kita ada program iaitu membina gimnasium rakyat di peringkat mukim dan juga peringkat daerah. Projek ini akan kita laksanakan berperingkat-peringkat mengikut peruntukan yang ada pada pihak Kementerian.

Jadi, itulah saja, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian sebentar tadi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.